

NOVEL-NOVEL ABDULLAH SIDEK
SATU ANALISA TENTANG TEMA
(1931 - 1950)

OLEH
AHMAD BIN OSMAN

BAHAGIAN KESUSASTERAAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1981/82

ARKIB

rb
FAC895
M22A288

NOVEL - NOVEL ABDULLAH SIDEK

SATU ANALISA TENTANG

TEMA

(1931 - 1950)

OLEH

AHMAD BIN OSMAN

LATIHAN ILMIAH

UNTUK KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG.

SIDANG AKADEMIK 1981/82.



ABDULLAH SIDEK
(1913 - 1973)

Untuk isteri dan anak-anak-ku,
kerana pengorbanan mereka.

PENDAHULUAN

Dalam keghairahan meneliti novel-novel kontemporari, tidak harus juga dilupakan kepada novel-novel yang pernah dimunculkan di tengah-tengah masyarakat Melayu beberapa dekat yang lalu. Hasil kesusasteraan inipun pada zamannya merupakan 'genre' yang mempunyai peminat yang ramai juga. Pandangan negatif terhadap genre ini, bukan sahaja merupakan suatu sikap yang cuba mengelilngkan usaha kreatif pengarangnya tetapi juga merupakan suatu tindakan merendahkan hasil kesusasteraan bangsa sendiri. Oleh itu, sikap seperti ini amat perlulah dikikis.

Sebenarnya dari berbagai 'genre' kesusasteraan yang ada, tidak kira lama atau baharu, pada umumnya amat berfungsi kepada banyak bidang keilmuan. Ia tidak sahaja berfungsi kepada bidang kesusasteraan, tetapi juga kepada keilmuan yang lain. Tetapi oleh sikap dan keinginan semula jadi manusia itu sendiri yang sentiasa inginkan yang baharu sahaja, maka hasil sastera yang dianggap lama dan ketinggalan mulai dilupakan ataupun sengaja dilupakan. Hal ini terjadi juga kepada novel-novel yang dihasilkan dalam tahun-tahun 30an membawalah ke tahun 40an, ia bukan sahaja tidak lagi dibaca oleh generasi masakini tetapi juga kurang mendapat perhatian sewajarnya dari para pengkaji kesusasteraan Melayu.

Oleh sebab novel-novel yang dihasilkan sekitar tahun tersebut agak besar jumlahnya, amat perlu juga dibataskan kajian keatasnya. Penelitian ke atas semua novel-novel yang pernah dihasilkan oleh seseorang novelis misalnya, boleh dijalankan. Dengan cara ini berbagai hal berkaitan dengan proses novel-novel itu dihasilkan, latar belakang pengarangnya, tahap-tahap perkembangan dan juga kajian lebih menyeluruh kepada novel-novel yang telah dihasilkannya boleh juga dijalankan.

Menyedari hakikat perlu ditonjolkan kembali karya-karya lama khususnya novel-novel yang dihasilkan sekitar tahun 30an membawa ketahun 40an, saya cuba membuat penelitian ke atas novel-novel yang pernah dihasilkan oleh novelis Abdullah Sidek. Apa yang akan dilakukan, ialah penelitian keatas satu aspek terkecil bahagian dalaman (intrinsik) yang terdapat di dalam novel-novel Abdullah Sidek.

Sepanjang penglibatan Abdullah Sidek sebagai seorang novelis, beliau telah menghasilkan lebih dari dua puluh buah novel.¹ Dari novelnya yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1931 membawalah ke novel . yang terakhir pada 1950, Abdullah Sidek telah mengemukakan berbagai persoalan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu ketika itu. Persoalan mengenai moral dan sosial, amat menarik perhatian pengarang ini, di samping persoalan membangunkan kesedaran pembinaan ekonomi.

¹ Lihat Lampiran I

Sebab utama mengapa saya memilih novel-novel yang dihasilkan oleh Abdullah Sidek sebagai tumpuan bahan kajian, ini berdasarkan karya-karya Abdullah dapat dikatakan mewakili penulis-penulis tahun 30an hingga 40an, selain jumlah bilangannya agak besar juga, novel-novel ini memperlihatkan semacam kesamaan persoalannya dengan novel-novel seangkatan dengannya. Persoalan percintaan muda-mudi, kahwin paksa, kemerosotan akhlak akibat pengaruh pemodenan dan lain-lain persoalan yang berkaitan dengan moral, merupakan persoalan yang 'stereotype' bagi novel novel pada masa itu.

Fokus Kajian.

Untuk kepentingan kajian ini, penelitian akan dibuat untuk menganalisa novel-novel yang boleh mewakili tema-tema tertentu. Dalam ertikata yang lebih luas, cuba membahagikan novel-novel tertentu mengikut tema utama atau pokok persoalan. Dari 24 buah novel yang menggunakan berbagai judul itu, akan diklasifikasikan mengikut tema-tema yang bersesuaian dengannya, samada dapat diletakkan di bawah tema mengenai moral, tema mengenai sosial, tema mengenai pembangunan ekonomi dan seumpamanya.

Kajian ini juga cuba meninjau tema-tema yang terdapat di dalam novel itu, ada tidak memperlihatkan pengaruh yang dibawa oleh ajaran ugama Islam iaitu mengajak kepada melakukan kebaikan dan menegah kepada kemunkaran.

Oleh sebab fokus kajian saya hanya kepada kajian mengenai tema-tema yang terdapat di dalam novel-novel Abdullah Sidek, maka kajian yang lebih menyeluruh seperti kajian ke atas struktur novel-novel ini yang merangkumi kajian mengenai plot, perwatakan, stail dan lain-lain boleh juga diusahakan oleh ilmiawan yang lain pula.

Had Kajian

Oleh sebab fokus kajian hanya ke atas satu aspek dalaman novel yang dihasilkan oleh Abdullah Sidek, maka kajian yang lain dari aspek tersebut tidaklah dilakukan. Adalah dirasakan, dengan kajian keatas satu aspek dalaman seperti kajian mengenai tema-tema yang terdapat di dalam novel-novel Abdullah Sidek adalah mencukupi untuk melengkapkan sebagai satu kajian latihan ilmiah.

Suatu hal yang tidak dapat dielakkan semasa membuat kajian ini ialah ketiadaan beberapa buah novel penting yang dihasilkan oleh Abdullah Sidek. Novel Cinta Yang Tidak Berfaedah dan Penanggungan Seorang Putera Raja, hanya didapati Jilid Kedua tidak ditemui. Kajian ke atas kedua buah novel ini tidak dapat dilakukan.

Kepentingan Kajian.

Pada peringkat ini, kajian ditumpukan kepada penelitian keatas tema-tema yang digunakan oleh Abdullah Sidek dalam menghadapi berbagai persoalan yang menggelisahkan masyarakat Melayu di tahun-tahun 30an hingga 40an.

Dengan memerhati dan menganalisa apa yang dipaparkan oleh pengarang ini di dalam novel-novelnya, kita dapat mengetahui pandangan dan sikap beliau terhadap sesuatu keadaan. Kedatangan penjajah dan pemodenan yang dibawanya, telah diterima dengan ghairahnya oleh golongan muda di kota, tetapi hal ini tidak mudah diterima oleh masyarakat Melayu di desa-desa. Dengan meneliti novel-novel Abdullah Sidek kita akan mengetahui sikap beliau tentang masalah ini.

Dengan memperbandingkan beberapa buah karya Abdullah Sidek dengan karya teman-temannya, kita dapat melihat sejauh mana kekreatifan dan kelebihan novel-novel beliau dari teman-temannya atau kelemahan karya beliau dari teman-temannya. Perbandingan boleh dilakukan dengan melihat dari novel yang mempunyai persamaan temanya, diolah dengan cara bagaimana?. Karya siapa lebih tepat menyampaikan temanya kepada pembaca?. Ini boleh dilakukan dengan memperbandingan novel Abdullah Sidek yang bertemakan soal moral dengan karya Harun Muhamad Amin yang juga bertemakan soal moral. Bagitu juga novel-novel Abdullah Sidek yang bertemakan soal membangunkan kesedaran berpolitik, boleh dibandingkan pula dengan karya-karya Ishak Haji Muhamad.

Jika diteliti karya-karya Abdullah yang dihasilkan selepas perang dunia kedua, beliau telah mengemukakan novel yang telah mendapat yang baik dari para peminat karya-karyanya.

Novel Doktor Zahari dan Tersungkur di Tengah Masyarakat, merupakan novel yang mulanya dicetak dalam tulisan jawi, tetapi memandangkan tema yang dibawanya boleh memberikan kesedaran kepada para pembacanya, novel ini kemudiannya dicetak dengan tulisan rumi untuk bacaan para pembaca yang tidak boleh menguasai tulisan jawi.

Menyedari Abdullah Sidek tidak sahaja melibatkan dirinya di dalam penulisan novel tetapi juga dalam penulisan cerpen, rencana serta pernah menghasilkan buku mengenai bahasa Melayu, lalu saya memilih novel-novel beliau sebagai bahan kajian Latihan ilmiah. Pandangan Li Chuan Siu mengenai novelis ini sebagai seorang penulis yang bersungguh-sungguh dan menaruh hasrat yang benar pada kerajaan karang-mengarang, merupakan pengakuan yang berterus terang mengenai keperibadian pengarang ini. Dengan demikian, mengkaji novel-novel beliau, merupakan suatu usaha menempatkan beliau ^{ke} ketahap yang sepatutnya.

Susunan Latihan Ilmiah.

Bagi melengkapkan keseluruhan kajian saya ini, bahagian pertama ditumpukan kepada melihat kedudukan tema di dalam sesebuah novel. Pada bahagian ini cuba dijelaskan apa sebenar yang dikatakan sebagai tema, kedudukannya di dalam sesebuah karya kreatif khususnya novel, sumber memperolehinya, dan penentuan jenis-jenis tema bagi sesebuah novel.

Seterusnya pada bahagian kedua kajian dibuat untuk melihat perkembangan berbagai tema yang sering terdapat disekitar tahun tiga puluhan membawa ketahun empat puluhan. Sejarah perkembangan novel ditahun-tahun tiga puluhan dan empat puluhan merupakan lanjutan penulisan novel yang telah dimulakan oleh Syed Sheikh al-Hadi, Ahmed Rashid Talu, Ahmad Kotot, Muhammad Yusuf Ahmad dan lain-lain. Pada tahun-tahun berikutnya, penulisan novel menjadi suatu media yang amat digemari oleh ramai para pengarang ketika itu. Pada bahagian ini, penelitian dibuat untuk melihat tema-tema yang selalu digunakan didalam novel tahun tiga puluhan. Berikutnya pula kita penelitian dibuat untuk melihat pula tema bagi tahun empat puluhan. Dari kedua dekad ini, mungkin mempunyai kelainan. Hal inilah yang cuba ditinjau.

Dalam bahagian berikutnya iaitu bahagian ketiga, tinjauan dibuat untuk melihat kegiatan pengarang itu sendiri selama ia melibatkan diri dibidang penulisan. Seperti kita sedia maklum, Abdullah Sidek merupakan seorang pengarang yang gigih dizamannya. Dibahagian ini pula kita cuba melihat riwayat bidang hidupnya, penglibatannya di bidang penulisan, bidang penulisan yang diceburinya dan kesan sumbangannya penglibatan beliau di bidang penulisan bagi sastera Melayu.

Bahagian yang dianggap penting di dalam kajian ini ialah bahagian keempat. Pada bahagian ini, penganalisaan tema tema yang terdapat di dalam novel-novel yang dihasilkannya, diteliti. Selain menganalisa persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pengarang ini secara lebih menyeluruh, lain penunjuk tentang jenis tema seperti graf, senarai novel mengikut tema-tema tertentu, boleh juga dilakukan.

Bahagian terakhir merupakan rumusan-rumusan yang menunjukkan bahawa penglibatan Abdullah Sidek di dalam penulisan novel, bukanlah tidak bererti bagi kesusasteraan Melayu. Novelnya yang mengemukakan berbagai tema itu, menolong mengukuhkan lagi asas penulisan novel.

Walaupun novel-novel beliau tidaklah mengemukakan tema-tema mengenai politik secara serius, namun saranan-saranan yang dikemukakan melalui watak-watak tertentu, memperlihatkan beliau tidak mengabaikan soal pembinaan semangat orang-orang Melayu. Oleh sebab soal sosial lebih membimbangkan pengarang ini, jadi kita dapati novel-novel yang dihasilkannya lebih banyak membawa persoalan sosial.

Susunan cerita yang dibentuk dengan ada permulaan cerita, ada bahagian pertengahan dan diakhiri dengan pengakhiran yang 'stereotype' dengan cerita-cerita penglipur lara. Apa yang membezakan novel dengan sastera lama, hanyalah tentang tema, watak, latar, sudut pandangan di dalam novel memperlihatkan kelainan dari karya sastera lama.

Dalam meneliti penulisan novel-novel Melayu di tahun tiga puluhan, dua faktor penting tidak harus diabaikan bagitu sahaja. Kerana faktor inilah juga sebagai faktor penggalak di dalam penulisan novel. Sehingga akhir tahun tiga puluhan, kita dapat bagitu banyak dihasilkan. Ini merupakan kesan penglibatan lebih ramai para pengarang di bidang penulisan novel-novel Melayu. Apa yang menggalakkan para pengarang seperti Harun Aminurrashid, Abdullah Sidek, Ahmad Bakhtiar, Shamsuddin Salleh, Raja Mansur, Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ahmad, Ahmad Lutfi, Ahmad Murad Nasaruddin, Muhammad Yusuf Arshad, Muhammad Isa Mahmud dan lain-lain menghasilkan novel yang berbagai judul itu, ialah semakin bertambah 'permintaan' terhadap karya-karya seperti ini. Berlaku perkara ini, adalah disebabkan 'kekurangan bahan-bacaan kepada mereka yang dahagakan bacaan ringan. Keadaan seperti

Ini merupakan kesan lansung dari dasar mewajibkan kanak-kanak Melayu yang berumur tujuh hingga empat belas tahun mesti bersekolah. Di mana melalui dasar ini, lebih ramai anak muda yang boleh membaca. Dengan demikian minat untuk membaca lalu dihalakan kepada novel-novel yang terdapat ketika itu.

Selain dari itu, ada kemudahan percetakan menolong juga di dalam memperkembangkan penulisan novel-novel Melayu. Sebelum Perang bagitu banyak badan-badan percetakan yang sedia mencetak novel-novel yang siap terkarang. Badan-badan percetakan ini terdapat di beberapa buah bandar utama dan juga bandar kecil di seluruh Semenanjong. Ia tidak sahaja dimiliki oleh syarikat dan orang perseorangan tertentu, tetapi juga dimiliki juga oleh pengarangnya sendiri ataupun milik keluarga.⁴ Adanya kemudahan ini, membolehkan lebih banyak diterbitkan. Ini membolehkan lebih banyak novel berada di pasaran.

⁴ Shamsuddin Salleh mempunyai percetakan sendiri yang diberikan nama The Ipoh Malay Press. Bagitu juga dengan Abd. Aziz Husni memiliki percetakan yang didirikan dengan perkongsian teman-temannya bernama Setia Press.

Misalnya Shamsuddin Salleh mempunyai percetakan sendiri bernama The Ipoh Malay Store yang ditubuhkan semata-mata untuk menerbitkan novel-novelnya sendiri disamping menerima tempahan mencetak karya dari pengarang yang lain.

Pendudukan Jepun walaupun menghentikan buat sementara kegiatan menulis novel tetapi memberikan idea baharu terhadap corak penulisan novel selepas ini. Jepun bukan sahaja berjaya menanamkan bibit kesedaran mencintai tanahair, tetapi juga memberikan bahan kepada beberapa orang pengarang. Kesan kekejaman Jepun dijelmakan dengan baiknya oleh Ahmad Murad Nasaruddin di dalam novelnya Nyawa di Hujung Pedang (1946)⁵. Penentangan terhadap kekejaman Jepun melalui karya Harun Aminurrashid berjudul Siapa Yang Bersalah?⁶ dan Keris Mas di dalam Pahlawan Rimba Malaya(1946)⁷.

⁵ Ahmad Murad Nasaruddin, Nyawa di Hujung Pedang, Kuala Lumpur: Pejabat Perhubungan Raya, 1946.

⁶ Harun Aminurrashid, Siapakah Yang Bersalah, Singapura: Pustaka Melayu, 1965, cetakan ketiga.

⁷ Keris Mas, Pahlawan Rimba Malaya, Kota Baharu: Pustaka Permai, 1946.

Apa yang kita dapati penghasilan novel-novel Melayu pada tahun tiga dan empat puluhan, ianya lebih banyak dihasilkan oleh tiga golongan penulis. Jika di tahun dua puluhan golongan wartawan dan penulis kalangan ugama yang banyak melibatkan diri di dalam penulisan novel, tetapi di dalam tahap tiga puluhan membawa ke tahun empat puluhan, para penulis dari golongan guru dan wartawan merupakan golongan paling aktif. Di samping itu penulis yang bekerja di bidang yang berkaitan penerbitan, juga merupakan golongan pengarang yang aktif.

Untuk melihat perkembangan tema novel-novel Melayu bagi tahun tiga hingga empat puluhan, sejumlah karya yang telah dihasilkan amatlah diperlukan. Dalam hal ini, bilangan novel-novel yang terdapat di dalam sastera Melayu itu sendiri, dapat memberikan bahan yang mencukupi. Jumlah novel yang dicipta sepanjang tahun tiga puluhan sahaja, agak banyak juga, Ilias Zaidi misalnya menyenaraikan novel yang diterbitkan setiap tahun adalah seperti berikut: 1930(8), 1931(4), 1932(4), 1933(3), 1934(4), 1935(20), 1936(30), 1937(35), 1938(16) dan 1939(24)⁸.

⁸ Ilias Zaidi, Kesusasteraan Melayu Modern, Jilid I: Novel, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1981, hal.49.

Seterusnya bagi tahun-tahun berikutnya, beliau memberikan jumlah novel yang telah dihasilkan. Misalnya awal tahun lepas perang, tidak ada novel yang dihasilkan hanyalah terdapat pada tahun 1946(3), 1947(6), 1948(16) dan 1949(43)⁹.

Dari novel-novel yang telah dihasilkan itu, suatu penelitian ke atas tema novel-novel yang tertentu akan dibuat. Oleh sebab novel-novel yang berhasil dalam tahun empat puluhan itu kebanyakannya dari pengarang yang sama pernah menghasilkan novel pada tahun tiga puluhan, serta selera pembaca mungkin belum banyak berubah, kemudian tema-tema yang dipaparkan oleh para pengarang tidak banyak berbeda. Hal ini yang dilihat sepenuhnya nanti.

2.2 Perkembangan Tema Tahun Tiga Puluhan

Tema novel tahun tiga puluhan menampakkan sedikit perubahan dari tema novel pada peringkat awal. Apa yang kita dapat dari beberapa buah novel pada peringkat ini, selain meneruskan lagi pengemukaan tema yang pernah ditonjolkan pada tahun dua puluhan, mereka mengemukakan tema mengenai moral dan kebebasan sosial dengan lebih meluas. Ada juga usaha mengemukakan tema tentang kesedaran kebangsaan, tetapi tidaklah ramai penulis yang berbuat demikian. Para pengarang pada periode

⁹ Ibid. hal. 88

ini lebih banyak menumpukan kepada tema-tema mengenai moral dan kebebasan bersosial bagi golongan muda.

Untuk melihat perkembangan tema novel tahun tiga puluhan, kita perlu juga melihat juga keadaan masyarakat ketika itu. Pergolakan 'sosial' yang berlaku di dalam masyarakat, memberikan ilham kepada pengarang mengemukakan persoalan itu di dalam novel-novel mereka. Di tahun tiga puluhan masyarakat Melayu bagitu terdedah dengan 'Pembaharuan' yang dibawa oleh penjajah, mulai merasai kesan dan akibatnya. Cara hidup secara tradisional mulai tercabar. Keharmonian hidup bermasyarakat, dimana golongan muda mesti menghormati kewibawaan golongan tua, semakin tergugat. Ini akan merosakkan kestabilan hidup berkeluarga. Faktor-faktor inilah yang menggalakkan pengemukaan tema mengenai moral dan kebebasan lebih menonjolkan dari tema-tema yang lain.

Di dalam tahun tiga puluhan tema kebebasan sosial merupakan tema yang popular sekali. Apa yang menjadi fokus kepada kebebasan sosial ialah sejauh mana perlu kebebasan itu diberikan kepada golongan muda mudi di dalam kehidupan mereka. Terutama sekali di dalam soal memilih pasangan hidup. Sikap pro dan kontra sebilangan kecil masyarakat Melayu terhadap persoalan ini, menjadi sumber tema di dalam beberapa buah novel tahun tiga puluhan.

Kesah cinta suci antara muda-mudi, merupakan tema yang paling digemari pada periode ini. Kesah yang bermula dari 'pandang pertama' kemudian diikuti dengan perkenalan dan diakhiri dengan perkahwinan pernah ditonjolkan di dalam tahun dua puluhan oleh Ahmad Kotot melalui novelnya Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan¹⁰, Tema ini diulang kembali di dalam tahun tiga puluhan.

Beberapa orang pengarang, melihat persoalan ini sebagai satu tindakan positif untuk mendapat kebahagiaan di dalam kehidupan berumahtangga. Tema cinta muda-mudi yang memperlihatkan sikap positif pengarang tentang persoalan ini dapat dilihat di dalam karya Raja Mansur, Shamsuddin Salleh, Ahmad Bakhtiar, Abdullah Sidek dan lain-lain. Tema seperti ini dapat dilihat melalui novel-novel mereka seperti Bidadari Tanah Melayu (1935)¹¹, Hidup Yang Derhaka¹² (1936) dan Rahsia Seorang Gadis (1936)¹³.

¹⁰ Ahmad Kotot, Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

¹¹ Raja Manshoor Raja A.Kadir, Bidadari Tanah Melayu, Kuala Lumpur: Selangor Press, 1933.

¹² Shamsuddin Salleh, Hidup Yang Derhaka, Muar: Jauharah Press, 1936.

¹³ Ahmad Bakhtiar, Rahsia Seorang Gadis, Klang: The Trio Co. 91336.

Sebaliknya bukan semua pengarang menyetujui cinta muda-mudi patut digalakkan. Bagi Harun Aminurrashid dan A. Samad Ahmad mempunyai sikap negatif terhadap persoalan ini. Melalui Melor Kuala Lumpur (1930)¹⁴ dan Cinta Itu Bahaya (1936)¹⁵, kedua pengarang memperlihatkan ketidakpastian lagi untuk berumahtangga, walaupun jalinan mesra telah terjadi. Taqdir Tuhan, bagi kedua orang pengarang ini lebih berkuasa menentukan jodoh pertemuan.

Masalah sosial yang kerap dijadikan tema bagi novel-novel tahun tiga puluhan ialah masalah kahwin paksa. Kebanyakan para pengarang menganggap perbuatan memaksa perkahwinan kepada anak gadis khususnya dan golongan muda umumnya, merupakan suatu tindakan yang tidak bertimbang rasa. Perbuatan lebih banyak membawa keburukan dari kebaikan. Anak gadis dalam belasan tahun, dipaksa berkahwin dengan lelaki kaya terutama dari Daerah Keturunan Arab (DKA) dan Darah Keturunan Keling (DKK), merupakan amalan yang patut ditentang. Raja Mansur dalam Bidadari Tanah Melayu, memperlihatkan kepada kita bagaimana Siti Latifah yang dipaksa berkahwin dengan Habib Idris, telah jatuh sakit dan akhirnya meninggal dunia. Manakala Muhammad Isa Mahmud di dalam novelnya Senyuman Pemuda (1930)¹⁶, memperlihatkan perkahwinan yang tidak kekal akibat perkahwinan yang dipaksa.

¹⁴ Harun Aminurrashid, Melor Kuala Lumpur, Tanjung Malim: Ahmy & Co., 1930

¹⁵ Abd.Samad Ahmad, Cinta Itu Bahaya, Klang: Dins Store, 1938.

¹⁶ Muhamad Isa Mahmud, Senyuman Pemuda, atau Kasih Terlerai, Muar: The Jamilah Press. 1934.

Lain-lain novel yang mengemukakan tema kahwin paksa terdapatlah Gara-gara Kahwin Paksa oleh Abdullah Sidek, Dua Perawan dari Kuala Selangor¹⁷ atau Emas disangka Loyang oleh Raja Mansur, Setia Itu Jaya¹⁸ oleh A. Samad Ahmad, Hikayat Cinta Melara¹⁹ oleh Othman Haji Muhammad Salleh dan beberapa buah karya lain.

Keresahan akibat 'pemodenan' yang dibawa oleh Barat, amat merisaukan masyarakat tahun tiga puluhan dan juga masyarakat Melayu di tahun empat puluhan. Suami menjadi liar kerana mulai kenal dengan arak, judi, perempuan kaberet dan pergaulan bebas muda-mudi tanpa batasan, merupakan gejala yang akan meruntuhkan masyarakat Melayu.

Abdullah Sidek melihat keruntuhan moral ini, sebagai suatu gejala yang mesti dibenteraskan. Di dalam Iblis Rumahtangga (1929), beliau mengemukakan golongan 'middle class' Melayu yang cuba mempraktikkan cara hidup Barat di dalam keluarganya, mengakibatkan rumahtangga yang dibina atas dasar cinta sama cinta menjadi runtuh. Di dalam Duri Perkahwinan (1937), beliau mengemukakan pula watak seorang guru wanita yang rendah akhlaknya. Melalui watak

¹⁷ Raja Mansoor Raja A. Kadir, Dua Perawan Dari Kuala Selangor, Kuala Lumpur: Selangor Press, 1936.

¹⁸ Abd. Samad Ahmad, Setia Itu Jaya, Klang: Dins Store, 1936

¹⁹ Othman Haji Muhammad Salleh, Hikayat Cinta Melara, Pulau Pinang: C. Dabab & Co., 1934.

Cikgu Zubaidah sebagai watak antagonis yang gagal merosakkan rumahtangga sepupunya, akhirnya menjadi insaf atas ketelanjurannya. Di dalam 13 Jun²⁰ karya Ahmad Murad Nasaruddin, beliau mengemukakan kerendahan moral seorang pemuda yang ditolak peminangannya, lalu bertindak dengan apa cara sekali pun untuk memiliki Rokiah yang sudah bersuami. Ia bertindak ganas dengan membunuh suami wanita yang diingini, walaupun setelah dinasihati oleh ibunya.

Keruntuhan moral yang memberikan kesan kepada kerukunan rumahtangga, menjadi tema penting kepada beberapa buah novel yang lain. Di dalam Melarat Isteri Kerana Suami (1937)²¹ kita melihat kegoncangan rumahtangga berlaku setelah sang suami terpikat dengan seorang janda. Manakala di dalam Nasib Mentua (1937)²², Ahmad Murad memperlihatkan kegoncangan di dalam keluarga akibat salah faham emak mentua dengan menantu.

²⁰ Ahmad Murad Nasaruddin, 13 Jun, Pulau Pinang: Bersama Press, 1938.

²¹ Othman al Masuli, Melarat Isteri Kerana Suami, Batu Pahat: The Teruna Press, 1937.

²² Ahmad Murad Nasaruddin, Nasib Mentua, Pulau Pinang: Bersama Press, 1937.

Pengemukaan tema yang agak berlainan sedikit dari pengarang tahun tiga puluhan, datangnya dari Shamsuddin Salleh dan Ishak Haji Muhammad. Kedua orang pengarang ini, mengemukakan persoalan mengenai kesedaran kebangkitan nasionalisme anti penjajah di dalam novel yang mereka hasilkan. Ishak melalui novelnya Putera Gunung Tahan (1937)²³, membawa motif anti penjajah dan semangat cintakan tanahair, merupakan novel pertama yang memprotes dasar penjajah dengan beraninya. Sindiran Ishak yang bagitu tajam, dapat kita lihat dari petikan ini:

Tiap-tiap orang kulit putih yang datang ke Malaya hendak mencari wang dan keuntungan dan bukan semata-mata hendak memimpin bumiputera negeri ini. (hal. 24)

Pada keseluruhannya, novel-novel tahun tiga puluhan mengemukakan tema-tema yang berkisar di sekitar kehidupan golongan muda. Ini tentulah tidak menghairankan, kerana pengarang dan juga mereka yang meminati novel-novel, juga dari golongan muda. Jadi persoalan yang paling digemari, tentulah berkisar disekitar kehidupan muda. Dengan demikian, tema-tema mengenai percintaan, penentangan terhadap golongan tua di dalam soal memilih jodoh, kahwin paksa dan mendapat kerukunan berumahtangga; merupakan tema-tema yang digemari ketika itu.

²³ Ishak bin Haji Muhammad, Putera Gunung Tahan, Singapura: Geliga Ltd., 1957. Cetakan Kedua.

2.3 Tema-tema novel tahun 40an.

Novel-novel tahun empat puluhan memperlihatkan tema-tema yang lebih beranika ragam. Ini berlaku kerana suasana politik telah merobahkan corak dan susunan masyarakat Melayu ketika itu. Kedatangan Jepun dan kesan yang ditinggalkan, menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat Melayu. Disamping itu para pengarang sendiri, semakin menjadi matang. Mereka tidak lagi menumpukan perhatian hanya kepada pergolakan yang berlaku di dalam kehidupan golongan muda sahaja, tetapi menjangkau jauh di dalam kehidupan masyarakat umum yang lebih luas dibidang kehidupan mereka.

Masalah sosial akibat pemerintahan Jepun, merupakan tema yang paling banyak ditonjolkan sekali. Kedatangan Jepun membawa kesangsaraan, kemusnahan nilai-nilai moral, memisahkan jalinan persaudaraan, telah menjadi tema beberapa buah novel tahun empat puluhan. Ahmad Murad Nasaruddin telah mengemukakan tema mengenai kekejaman Jepun di dalam novel-novel beliau Nyawa di Hujung Pedang (1948) dan Zain Zawiyah (1948).²⁴ Kekejaman pemerintahan Jepun turut memusnahkan kehidupan suami isteri yang bahagia di dalam novel Abdullah Sidek yang berjudul Tersungkur (1940). Harun Aminurrashid juga mengemukakan tema akibat perang yang mengakibatkan terjadi konflik kepada sepasang suami isteri di dalam Balik Dari Medan Perjuangan (1948).²⁵

²⁴ Ahmad Murad Nasaruddin. Zain Zawiah, Singapura: Geliga Ltd., 1957, citakan kedua.

²⁵ Harun Aminurrashid. Balik Dari Medan Perjuangan.

Kesan peperangan bagi Ahmad Lutfi, merupakan masalah yang memburukkan keadaan masyarakat. Kesukaran mendapat kerja, kedudukan yang tidak stabil, keruntuhan moral, merupakan kesan-kesan sampingan yang muncul akibat perang. Kesukaran mendapat pekerjaan, hingga sanggup bekerja menjadi penari, pelayan atau pelakun bangsawan, tidaklah boleh dipersalahkan bulat-bulat kepada mereka yang terlibat. Ahmad Lutfi melihat masalah ini dengan pandangan yang optimistik melalui novel-novel Pelayan (1949), Janda (1949), Geylang Serai Karam (1949) dan lain-lain²⁶.

Pembelaan terhadap nasib kaum wanita, mendapat perhatian dari beberapa orang pengarang tahun empat puluhan. Selain Ahmad Lutfi, pengarang lain turut mengemukakan tema pembelaan nasib kaum wanita, misalnya Harun Aminurrashid cuba mengikis pandangan rendah masyarakat terhadap golongan yang bekerja sebagai penari di dalam novelnya Minah Joget Moden (1949)²⁷; Abdullah Sidek di dalam Tersungkur cuba memperlihatkan bagaimana gigih dan usaha seorang isteri yang kematian suami terpaksa bekerja menjadi 'anak bangsawan' semata-mata untuk meneruskan hidup anaknya.

²⁶ Lihat Ilias Zaidi, hal. 108.

²⁷ Harun Aminurrashid, Minah Joget Moden, Singapura:

Tema yang diambil dari peristiwa yang berlaku di dalam sejarah, pernah dikemukakan di dalam novel-novel tahun empat puluhan. Pengarang dari kalangan guru, amat menggemari tema seperti ini. Harun Aminurrashid misalnya pernah mengemukakan tema dari sejarah keagungan Melaka di dalam beberapa buah novelnya. Bagitu juga dengan Ahmad Bakhtiar seorang lagi yang sering mengambil tema dari sejarah. Tema seperti inilah kita temui di dalam novel Tun Jemala (1949), Perwira Bentan (1949) dari Puteri Partiwi (1949) karya Ahmad Bakhtiar dan Dayangku Fatimah (1948) dan Merebut Gadis (1949) karya Harun Aminurrashid.²⁸

Di dalam tahun empat puluhan ini, kita juga menemui tema-tema yang memperlihatkan kesedaran tentang perlunya memupuk kesedaran membangunkan ekonomi dan politik. Abdullah Sidek cuba mengemukakan tema tentang perlunya membangkitkan semangat berdikari tanpa berhajat 'makan gaji' dengan kerajaan melalui novelnya Mari Kita Berjuang (1941). Bagitu juga di dalam Membina Kehidupan (1949), beliau sekali lagi menonjolkan tema yang hampir sama dengan novelnya yang terdahulu itu. Manakala Keris Mas, dengan berlatarbelakang kejadian di zaman Jepun mengemukakan tema perjuangan gorela untuk menentang Jepun di dalam novelnya Pahlawan Rimba (1946).

²⁸ Ilias Zaidi, hal. 64.

Jika tahun tiga puluhan kita dikejutkan dengan novel Putera Gunung Tahan oleh Ishak, maka sekali lagi ditahun empat puluhan Ishak Haji Muhammad mengejutkan pembaca dengan mengemukakan tema mengenai kebangkitan nasionalisma Melayu di dalam Anak Mat Lela Gila (1941)²⁹. Bagi Ishak, secara simbolis digambarkan bagaimana golongan peribumi masih mampu memperlihatkan kelebihan, dapat dilihat dari peristiwa Protagonis yang mestilah berguru lagi kepada golongan peribumi asli (Sakai). Watak Bulat, merupakan watak pejuang Melayu yang diperlukan untuk meniupkan semangat kebangsaan kepada para pembaca semua. Inilah yang ingin disampaikan oleh Ishak melalui novel ini.

Apa yang kita dapati pada tahun empat puluhan ini, secara beransur-ansur para pengarang veteran meninggalkan tema mengenai cinta muda-mudi, kebebasan bersosial tetapi mengemukakan tema-tema yang lebih mendekati masalah di dalam kehidupan masyarakat biasa. Akibat perang merupakan faktor penting turut mengubah tema-tema sebuah novel yang dihasilkan dalam tahun empat puluhan.

²⁹ Ishak Haji Muhammad, Anak Mat Lela Gila, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Bhd., 1966, citakan ketiga.

BAB KETIGA3. Abdullah Sidek3.1 Biodata

Tidak akan lengkap pengkajian kesusastraan Melayu ditahun-tahun tiga puluhan hingga empat puluhan tanpa menyentuh nama Abdullah Sidek. Penglibatan beliau diberbagai bidang kesusastraan khususnya penulisan novel peringkat awal memberikan sumbangan yang berharga kepada perkembangan novel-novel Melayu sendiri. Ia dianggap sebagai novelis perintis jalan untuk pendewasaan novel sekarang.¹

¹ Sastera Melayu moden pertama kali mengenali novel melalui Hikayat Faridah Hanum yang dihasilkan pada 1927. Selepas ini lahir lebih hanya yang berbentuk seperti ini. Sebelum perang, Abdullah Sidek, merupakan penulis dari MPSI agak produktif. Ia meneruskan lagi penulisan novel hingga lepas perang. Kerana akan menghasilkan sejumlah lebih dua puluh buah karya, berjaya meletakkan asas yang kukuh penulisan novel pada zaman berikutnya.

Abdullah Sidek telah dilahirkan pada bulan Mei 1913 di Kampung Kandut, Mukim Jabi, Segamat Johor. Beliau mendapat didikan awal di sekolah Melayu Bandar Segamat. Setelah tamat sekolah rendah, tanpa menjadi guru pelatih terlebih dahulu, beliau diterima menuntut di Maktab Latihan Guru Melayu, Johor Baharu, pada tahun 1928. Ia terpaksa berpindah ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada 1929, kerana pusat latihan guru di Johor Baharu terpaksa ditutup. Selepas tamat latihan perguruan, beliau pulang semula ke Johor dan berkhidmat sebagai seorang guru di beberapa buah sekolah di negeri itu.

Pemupukan bakat penulisan bagi pengarang ini, bermula dari sejak ia di dalam tahun pertama di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) lagi. Ini berlaku kerana di maktab tersebut ada menawarkan mata pelajaran karang mengarang, sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh setiap orang pemututnya. Bagitu juga dengan memasuki MPSI, Abdullah Sidek didedahkan pula dengan novel-novel Indonesia yang terdapat di perpustakaan maktab tersebut. Oleh terlalu memperlihatkan minat untuk membaca buku-buku di dalam perpustakaan maktebnya, hingga beliau digelar 'hantu buku' oleh teman-teman nya².

²Shahrom Hussain, Antara Pengarang-Pengarang Novel Melayu dan Karyanya, Singapura: Pustaka Melayu, 1963, hal.219.

Setelah tamat pengajian di MPSI, Abdullah Sidek pulang semula ke Johor dan mulai mengajar di Sekolah Melayu Bandar Segamat dari tahun 1932 hingga 1935. Selepas tahun 1935 hingga ke zaman Pentadbiran Tentera Inggeris (BMA) beliau mengajar pula di Sekolah Melayu Parit Jamil, Muar sehingga tahun 1946. Sewaktu di Sekolah Melayu Parit Jamil inilah beliau telah dilantik sebagai Guru Besar pada tahun 1937. Selepas ini Abdullah Sidek telah ditukarkan ke beberapa buah sekolah di sekitar Johor Selatan. Sekolah yang terakhir sebelum ia bersara sebagai Guru Besar ialah di Sekolah Melayu Tambatan Tinggi, Johor. Beliau telah meninggal dunia pada 26 November 1973 kerana mengidap sakit tua.³

Di zaman kegemilangannya, Abdullah Sidek melibatkan dirinya di dalam berbagai aktiviti. Beliau tidak hanya bergiat dilapangan penulisan sahaja. Ia aktif juga di dalam usaha memperkembangkan persuratan dan kebudayaan Melayu. Penglibatan yang bersungguh-sungguh itu dapat dilihat

³Baharuddin Zainal, Safiah Husain, Sarah Sadon dan A.M.Thani, Wajah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hal.78.

dari beberapa jawatan penting yang disandangnya. Beliau pernah menjadi Yang Di Pertua Lembaga Bahasa "Melayu Singapura, Setiausaha Pakatan Bahasa Melayu dan Persuratan Buku-Buku Di Raja Johor (P.B.M PB.Johor), Ahli Jawatankuasa Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III dan ahli Jawatankuasa Dewan Kebudayaan Kebangsaan.

Abdullah Sidek juga memberikan sumbangan di dalam memperkuuhkan perpaduan guru-guru Melayu Johor. Sebagai salah seorang wakil Kesatuan Guru-Guru Melayu, Johor, beliau telah dipilih untuk menghadiri Kongres Guru-Guru Melayu di Kuala Lumpur pada tahun 1957.

Sumbangan bakti Abdullah Sidek tidak terhenti setakat itu sahaja. Beliau tidak mahu ketinggalan untuk bergiat di dalam kegiatan politik tanahair. Dalam tahun 1947, beliau telah membuka cawangan "Pergerakan "Melayu Semenanjung" cawangan Johor di Parit Jawa, Muar. Selanjutnya dengan bertambah penglibatan golongan bangsawan Johor di dalam politik UMNO, berjaya menarik minat beliau turut menjadi anggota pergerakan parti tersebut. Lanjutan dari kegigihan Abdullah Sidek di bidang politik UMNO, beliau bukan sahaja dipilih menjadi pemimpin pertubuhan tersebut di peringkat bahagian. Bahkan kerana bakat kepimpinan yang dimilikinya, beliau pernah dipilih mewakili UMNO negeri Johor ke Majlis Tertinggi UMNO Malaysia dalam tahun 1957.

Penglibatan Abdullah Sidek di berbagai bidang, menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang yang bersungguh-sungguh untuk membangunkan bangsanya. Di bidang kesusasteraan sendiri, 'buah tangan' yang ditinggalkannya, memberikan sumbangan yang amat berharga untuk melihat perkembangan sastera Melayu khususnya dan keadaan masyarakat Melayu umumnya.

3.2 Penglibatan dalam penulisan

Penglibatan Abdullah Sidek di bidang penulisan berkisar di sekitar tahun-tahun tiga puluhan membawa ke tahun-tahun lima puluhan. Dalam jangka masa yang agak panjang itu, beliau tidak hanya menumpukan kepada satu 'genre' sastera sahaja. Selain menumpukan perhatian kepada bidang penulisan novel, Abdullah Sidek menghasilkan cerpen, eseai dan buku ilmu pengetahuan.

Abdullah Sidek mula memperlihatkan bakat di bidang penulisan, ketika ia berumur lapan belas tahun. Hasil karya kreatifnya yang pertama ialah karya yang berbentuk novel, dihasilkan ketika beliau di tahun ketiga di MPSI. Novelnya yang pertama itu di beri judul Hikayat Bercinta Yang Tak Berfaedah, dihasilkan pada tahun 1931 dan diterbitkan oleh Cik Debab Haji Salleh dari Pulau Pinang. Setahun kemudian iaitu selepas ia tamat dari MPSI, beliau menghasilkan novelnya yang kedua diberi judul Hikayat Penanggungan Seorang Putera Raja.

Tugasnya sebagai seorang guru, tidak menghalangkan minatnya untuk bergiat di bidang penulisan. Apa yang kita dapati sewaktu ia berkhidmat di Sekolah Melayu Parit Jamil, Muar, Abdullah bagitu gigih sekali di bidang penulisan novel. Menjelang pendudukan Jepun di negara ini, beliau telahpun berjaya menerbitkan sebelas buah novel yang mengemukakan berbagai persoalan yang menyangkut kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Sewaktu pendudukan Jepun, mungkin kerana kesusahan mencitak serta kurang sambutan dari para pembaca sendiri, hanya sebuah novel sahaja yang diterbitkannya.

Selepas Inggeris berhuasa semula di Semenanjung Tanah Melayu, beliau telah menghasilkan sebuah kisah yang berbentuk 'memoir' ,mengenai kisahnya mempelajari bahasa Jepun di Bukit Senyum ⁴. Selepas ini, kita dapat menemui kembali karya-karya Abdullah Sidek di pasaran buku-buku. Beberapa buah novel yang diterbitkan selepas perang, merupakan karya-karya yang telah siap-dikarang,tapi tidak dapat diterbitkan.

⁴ Cerita yang berbentuk kenang-kenangan Abdullah Sidek sewaktu mempelajari bahasa Jepun di Maktab Perguruan Bukit Senyum, selama tiga bulan iaitu dari bulan April hingga Jun 1944. Buku ini diterbitkan pada 1 hb, Mac 1946.Cerita yang memaparkan kisah suka-duka pengarang sendiri,ketika mengalami keresahan hidup sewaktu pendudukan Jepun.

Pada tahap ini terdapat lagi sebelas buah novel yang diterbitkan, di novel Duri Perkahwinan (1950) dan novel Kerana Dia (1950) merupakan dua buah novel yang terakhir yang dihasilkan oleh Abdullah Sidek. Selepas ini, ia tidak lagi menumpukan perhatian penulisan novel, tetapi kepada penulisan eseai dan buku pengetahuan umum.

Abdullah Sidek berminat juga menulis cerpen.

Beliau telah menghasilkan sebanyak dua puluh tiga buah cerpen.⁵ Kebanyakan cerpen beliau itu tersiar di dalam majallah "Lembaga Melayu", "Bulan Melayu", "Hiburan", "Majallah Guru", "Idaman" dan lain-lain. Dua belas dari cerpen-cerpennya itu terkumpul dalam antologi Cerita Rekaan dan empat buah terkumpul di dalam Hikayat Hiburan Abdullah. Kadang-kadang cerpennya itu diletakkannya di dalam novelnya yang agak pendek, untuk tatapan para pembaca.

Kebanyakan cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Abdullah Sidek, membawa persoalan yang hampir sama dengan apa yang dikemukakan di dalam novel-novelnya. Berbagai persoalan

⁵ Lihat Baharuddin Zainal, Safian Husain, Sarah Sadon dan A.M. Thani, hal. 78

meliputi cinta muda-mudi, kepincangan masyarakat, masalah moral, merupakan persoalan yang amat digemarinya. Unsur-unsur didaktik amat jelas di dapati di dalam cerpen-cerpen beliau. Seperti terdapat di dalam "Minah Kapalterbang", "Bayang-Bayang Hitam", "Si Tua Bangka Yang Tak Sedar Diri" dan lain-lain cerpen beliau.

Bidang penulisan eseai dan kritikan tidak diabaikan bagitu sahaja oleh Abdullah Sidek. Beliau pernah mengemukakan rencana yang bersambung-sambung mengenai "Perempuan dan kewajipannya" di dalam majallah al-Hikmah.⁶ Mengenai kesusasteraan dan bahasa, kita dapat juga menemui tulisan beliau di dalam beberapa buah majallah tanahair. Misalnya majallah Dewan Bahasa dan Bulanan Sastera, pernah menerbitkan eseinya tentang perkembangan novel Melayu.⁷ Kegiatan penulisan beliau tidak berhenti setakat itu sahaja, beliau pernah membentangkan kertas kerjanya di dalam satu seminar di Universiti Malaya tahun 1967.⁸

⁶ Lihat Shahrom Husain, hal. 220-221.

⁷ Abdullah Sidek, "Memperkatakan Kesusasteraan Melayu Modern: Novel" di dalam Medan Sastera, Singapura: Pustaka Melayu Press, Disember 1964. hal.80-85.

⁸ Abdullah Sidek, "Novel Melayu" di dalam Medan Sastera, Singapura: Pustaka Melayu Press, September, 1964,hal. 26-69.

Dengan menggunakan nama samaran "Anggerik",

Abdullah Sidek cuba memperkenalkan kembali pantun dan syaer kepada para pembaca. Oleh kurangnya sambutan, akhirnya beliau memberhentikan usahanya hendak menonjolkan kembali puisi Melayu. Kemudian dengan menggunakan nama samaran "Khadam Melayu" beliau membuat kritik ke atas pemimpin yang curang dan terlalu mementingkan keluarga dan kaum puaknya.⁹ Ini membuatkan ada pihak yang menyukainya dan ada yang tidak menyukainya.

Pada akhir-akhir penglibatan beliau di bidang penulisan, Abdullah Sidek telah menghasilkan dua buah buku pengetahuan umum untuk memperkembangkan lagi Bahasa Melayu. Buku Kata-Kata Sebuniyi,¹⁰ merupakan sebuah buku yang membentangkan erti perkataan yang sama bunyinya, tetapi mempunyai erti yang berlainan. Kemudian Abdullah Sidek menerbitkan sebuah buku dengan judul Bunga Bahasa,¹¹ bagi mempertinggikan pemakaian Bahasa Melayu. Matlamat ini

⁹ Lihat Shahrom Husain, hal., 221.

¹⁰ Abdullah Sidek, Kata-Kata Sebuniyi, Singapura: Harmy, 1959.

¹¹ Abdullah Sidek, Bunga Bahasa, Singapura: Malaya Publishing House, Ltd. 1961.

... ditegaskan sendiri oleh Abdullah Sidek di dalam 'kata pendahuluan' buku tersebut. Tulis Abdullah:

... ialah untuk menolong guru dan murid sekolah menengah pada mempelajari Bahasa Melayu Secara mendalam dan juga kepada orang atau orang-orang yang ada mempunyai kecenderungan ingin mengetahui selok belok Bahasa Melayu yang sekarang ini telah dijadikan rasmi dan bahasa kebangsaan negara kita... (hal. viii)

Pada akhir-akhir hayatnya, beliau tidaklah bagitu serious lagi di bidang penulisan. Ini sudah kita mengertikan, kerana usianya yang tidak mengizinkan terus terlibat dengan bidang ini. Walaupun bagitu, beliau tetap memberikan sumbangan dalam memperkembangkan kesusastraan dan kebudayaan Melayu, melalui sumbangan tenaganya di dalam badan-badan kebudayaan dan persuratan Melayu di negeri Johor.

3.3 Kesan Sumbangan

Dari keseluruhan penglibatan Abdullah Sidek dibidang penulisan, beliau telah menghasilkan dua puluh empat buah novel, dua puluh tiga buah cerpen, dua buah buku pengetahuan umum dan beberapa buah eseи. Biarpun banyak bidang penulisan yang dilibatinya, namun usahanya lebih dikenali dibidang penulisan novel. Sebagai seorang penulis yang pernah dilahirkan oleh MPSI, Abdullah Sidek berusaha mengukuhkan penulisan novel di dalam sastera Melayu.

Biarpun novel-novel yang dihasilkan oleh beliau dikatakan novel-novel kurang asli¹², namun apa yang tersurat di dalam novel-novel itu memberikan erti yang besar kepada perkembangan kesusasteraan dan budaya Melayu. Unsur-unsur didaktik serta kesan yang ditinggalkan kepada para pembacanya¹³, menunjukkan novel-novel beliau mempunyai nilai-nilai pengajaran yang baik.

Dengan demikian, sumbangan Abdullah Sidek di dalam memperkembang dan memperkuuhkan sastera dan budaya Melayu, dikira amat penting juga. Beliau bukan sahaja memperkembangkan satu 'genre' yang baharu sahaja diperkenalkan di dalam sastera Melayu tetapi turut memperkuuhkannya lagi kedudukan 'genre' itu kesusasteraan Melayu. Dari hasil-hasil yang ditinggalkannya kepada kita, membuktikan kegigihan pengarang ini.

¹² Li Chuan Siu, Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1966, hal.168.

¹³ Mengikut Mohd.Taib Osman di dalam "An Introsuction to Development of Modern Malay Literature", Singapura: Federal Publication, 1961, hal. 34 , kesan dari novel Mari Kita Berjuang memberikan inspirasi kepada beberapa orang pemuda Melayu di Muar, mencontohi tindakan seperti yang dilakukan oleh watak-watak di dalam novel tersebut.

BAB KEEMPATTEMA

Dalam setiap 'genre' sastera tersembunyi suatu perutusan hendak disampaikan kepada para pembaca. Perutusan ini menjadi dasar kepada pembentukan karya dan juga sebagai suatu kawalan di dalam proses kreatif seseorang pengarang. Perutusan yang hendak disampaikan itu disebut juga sebagai tema atau idea pokok, terdapat didalam novel-novel mana sekalipun. Novel sebagai 'genre' sastera bagi Shahnon, merupakan satu bentuk rencaman hidup manusia yang dibangunkan oleh tiga faktor utama iaitu pengalaman peribadi, realiti hidup dan imaginasi.¹

Sebagai media sastera yang dapat membincang dan menganalisa rencaman kehidupan manusia dengan lebih luas dan lega, novel boleh memaparkan berbagai tema yang melingkari seluruh corak kehidupan manusia dan juga haiwan. Apa yang menghadkan pengemukaan tema yang lebih kompleks ialah ketidakmampuan pengarang itu sendiri mengemukakannya di dalam novel-novel tertentu. Untuk memaparkan sesuatu tema, amat bergantung kepada keilmuan yang dimiliki, bakat yang dipunyai dan imaginasi para pengarang itu sendiri.

Oleh kerana usia novel sendiri masih muda, maka tidaklah bagitu banyak persoalan yang dikemukakan oleh Abdullah Sidek. Walaupun bagitu, keragaman tema, agak bagitu jelas di dalam tahun empat puluhan, jika mahu membandingkan segi temanya sahaja.

¹ Shahnon Ahmad, Gubahan Novel, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hal.4.

Disamping itu, kedatangan Jepun, banyak merosakkan keghairahan untuk menerbitkan beberapa buah novel. Kesusahan mencetak, pembaca yang tidak bagitu berminat untuk membaca, membuatkan terhenti buat sementara keghairahan berkarya bagi pengarang ini. Bila keadaan kembali tenang menjelang penghujung tahun empat puluhan, baharulah diterbitkan karya-karyanya kembali.

Dalam meneliti tentang keragaman tema yang digunakan oleh pengarang ini, ada tiga faktor kenapa tidak bagitu banyak tema tema dipaparkan di dalam novel-novel beliau. Faktor pertama ialah kerana usia dan pengalamannya sendiri masih muda. Ini dapat dilihat dari penglibatan Abdullah Sidek di dalam bidang kreatif, bermula ketika berumur sembilan belas tahun bila ia menghasilkan novel Hikayat Percintaan Yang Tak Berfaedah (1931). Oleh kerana usia yang masih muda maka tentulah cerita yang melengkari kehidupan orang-orang muda, lebih banyak dipersembahkan kepada para pembaca. Jadi persoalan mengenai cinta muda-mudi, kebebasan sosial, penolakan adat kahwin paksa dan lain yang lebih peribadi, lebih banyak dipaparkan dari masalah kebangsaan. Faktor kedua kerana jawatan yang dipegangnya tidak mengizinkan beliau mengemukakan tema-tema yang 'kontraversial'. Dan faktor ketiga ialah kerana para pembaca itu sendiri terdiri dari golongan pembaca muda, lagi tentulah tema yang menyangkut persoalan orang muda lebih banyak dikemukakan oleh pengarang ini.

Persoalan yang paling dekat dengan kehidupan peribadi pengarang, menjadi perhatian pengarang ini. Keadaan masyarakat yang masih kuat terikat dengan berbagai adat resam dan pantang larang atau 'taboo', tidak bagitu mudah menerima sesuatu yang baharu dari Barat. Apa yang cuba dipertahankan oleh pengarang ini ialah cuba menolak gugatan pemodenan yang dibawa oleh Barat dari meruntuhkan sosio-budaya masyarakat Melayu seluruhnya. Dalam hal ini masalah keruntuhan akhlak yang diakibatkan dari pengaruh pemodenan, menjadi tema yang digemari. Dengan mengemukakan tema yang berhubungan dengan masalah moral ini, sekurang-kurangnya dapat membentangkan masalah mempertahankan akhlak yang baik dan meninggalkan mana-mana yang buruk kepada para pembaca semua.

Tema mengenai sosial khususnya mengenai kebebasan bersosial, merupakan kesan langsung perkembangan budaya Barat dengan Timur. Kebebasan untuk mengemukakan pendapat dan bersuara seperti terdapat di dalam masyarakat Barat amat berlawanan dengan etika masyarakat Melayu. Apatah lagi bila golongan muda-mudi bergaul bebas, memilih pasangan sendiri, bergiat di dalam berbagai aktiviti ala Barat, tentulah merupakan suatu amalan yang janggal dengan masyarakat tradisional Melayu yang masih terikat kuat dengan adat resam dan pantang larang. Hal inilah yang menjadi tema yang penting bagi pengarang ini di dalam novel-novel yang dihasilkan sekitar tahun tiga hingga empat puluhan itu.

Bagitu juga ketinggalan masyarakat Melayu dibidang ekonomi, disedari juga oleh pengarang ini. Pembolotan 'kekayaan

negara . . . dan eksplorasi ekonomi oleh penjajah dan bangsa asing, serta sikap negatif orang Melayu sendiri, menjadikan keadaan ekonomi mereka jauh ketinggalan dari tolongan pendaratang. Hal ini turut menjadi tema penting di dalam novel beliau.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang tema tema yang digunakan oleh Abdullah Sidek, saya membahagikan tema-tema itu kepada tiga bahagian.² Pembahagian yang dilakukan ini, bukanlah merupakan suatu cara yang unik, tetapi dirasakan lebih sesuai di dalam menganalisa tema-tema yang terdapat di dalam novel-novel Abdullah Sidek. Walaupun bagitu, pembahagian tema-tema ini kepada tiga bahagian masih boleh dipersoalkan. Kerana pembahagian ini bukanlah tepat kerana pengemukaan berbagai persoalan saling kait-mengait dan tindih-menindih. Ini adalah kerana pengarangnya terlalu ingin hendak memperlihatkan unsur didaktik di dalamnya, menyebabkan berlakunya perkara seperti ini.

²Lihat Lampiran III.

4.1 MORAL

Tema yang memaparkan masalah moral merupakan pengemukaan persoalan yang berfungsi untuk mengajar. Tema yang bukan sahaja mempersoalkan tingkah laku dan perangai individu tetapi menyangkutti persoalan kemasyarakatan dan kebudayaan masyarakat Melayu, telah menjadi tema-tema novel Abdullah Sidek. Pengemukaan tema jenis ini, merupakan kesan langsung pengaruh Barat kepada masyarakat Melayu, dilihat oleh pengarang ini sebagai anasir yang boleh meruntuhkan masyarakat Melayu seluruhnya.

Kedatangan penjajah Inggeris dan budaya hidup mereka, banyak mempengaruhi cara hidup dan 'wold view' masyarakat Melayu yang tinggal di kota-kota. Pengaruh ini sedang menular pula kedalam masyarakat yang tinggal di desa-desa. Pertembongan budaya Barat dengan budaya Melayu yang terikat kuat dengan ajaran Islam, menimbulkan satu masalah didalam masyarakat Melayu. Pertentangan antara golongan masyarakat yang terus menerima bulat-bulat pengaruh Barat dengan golongan yang menentang pengaruh Barat, sering berlaku. Sebagai cerdik pandai berpandangan jauh, Abdullah Sidek lalu mengambil persoalan ini sebagai suatu persoalan yang membimbangkan dan perlu ditunjukajarkan.

Persoalan moral wanita, merupakan salah satu jenis tema yang digemari oleh pengarang ini. Ia amat menyedari, betapa mudahnya masyarakat Melayu bagitu terpengaruh dengan corak kehidupan secara Barat. Ini termasuk juga para wanita yang rendah imannya, menerima bulat-bulat cara kehidupan Barat di dalam kehidupan mereka.

Keadaan ini bukan sahaja menjelaskan imej wanita sendiri, tetapi juga akan mengakibatkan kesan lebih buruk kepada seluruh masyarakat Melayu.

Di dalam mengemukakan masalah mengenai masalah moral, latar penceritaan lebih banyak dipusatkan dalam kehidupan dikota-kota. Ini mungkin kerana kawasan bandar lebih dahulu menerima pemodenan dari Barat, membuatkan masyarakat di sana lebiherosot moralnya. Wanita kota yang terdedah dengan kehidupan moden bagi pengarang ini, bukanlah merupakan golongan yang bermoral tinggi. Sebaliknya beliau lebih menyanjung tinggi akhlak wanita dari desa. Bagitu juga wanita yang menjadi janda oleh kematian suami, turut mendapat pembelaan dan ditonjolkan sebagai wanita yang gigih. Demikian pandangan pengarang ini terhadap wanita yang menjadi sebahagian anggota masyarakatnya.

Sehubungan dengan ini, apa yang cuba ditimbulkan mengenai persoalan mengenai moral ialah kurangnya pendidikan sekular dan ugama, merupakan salah satu punca jatuhnya moral muda-mudi Melayu. Kedua-dua sistem pendidikan ini, tidaklah sempurna diuruskan. Lebih ramai anak muda tidak mendapat didikan, baik pendidikan sekular maupun ugama. Kerana itu, mereka lebih mudah terjerumus kejalan maksiat.

Terdapat beberapa buah novel Abdullah Sidek yang mengemukakan tema moral, sebagai persoalan penting. Persoalan mengenai moral muda-mudi desa dikemukakan di dalam Gadis Hulu Muar.³

³ Abdullah Sidek, Gadis Hulu Muar, Muar: Muhammadiyah Press, 1941.

Di dalam novel yang lain pula beliau mengemukakan ketinggian moral gadis desa berbanding dengan kerendahan moral gadis kota. Ini terdapat di dalam Novel Gadis Dusun Pergi Ke Bandar⁴ dan novel Duri Perkahwinan.⁵ Pembentangan tema mengenai moral wanita yang sudah bersuami juga tidak lupa jua ditonjolkan oleh pengarang ini. Melalui novel Di Bawah Pengaruh Roda Penghidupan,⁶ diperlihatkan ketinggian moral wanita yang ditinggalkan suami yang tidak bertanggungjawab. Manakala novel Tersungkur Di Tengah-Tengah Masyarakat,⁷ beliau mengemukakan pula persoalan moral seorang isteri yang kematian suami sewaktu pendudukan Jepun.

Persoalan mengenai moral muda-mudi desa dapat dilihat di dalam novel Gadis Hulu Muar. Kasim dan Gayah merupakan muda-mudi desa yang telah ditunangkan sejak kecil tanpa pengetahuan mereka. Ini merupakan hasil wasiat bapa Kasim kepada bapa Gayah ketika ia sedang uzur. Oleh kerana mereka berjiran, Kasim sering menolong Gayah menoreh atau mengangkat kayu ke rumah anak gadis itu.

⁴ Abdullah Sidek, Gadis Dusun Pergi Ke Bandar, Johor Baharu, 1948.

⁵ Abdullah Sidek, Duri Perkahwinan, Muar: Jamilah Press, 1950.

⁶ Abdullah Sidek, DiBawah Pengaruh Roda Penghidupan, Kuala Pilah, Sentosa Press, 1938.

⁷ Abdullah Sidek, Tersungkur DiTengah-Tengah Masyarakat, Diterbitkan semula dengan judul Tersungkur oleh Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, pada 1976.

Tapi bila meningkat remaja, perasaan kasih sebagai sahabat bertukar menjadi perasaan kasih sayang sebagai seorang kekasih.

Perhubungan yang mesra Kasim dengan Gayah menimbulkan kebencian seorang pemuda desa yang lain bernama Hussain. Pemuda yang sejak kanak-kanak lagi memperlihatkan kenakalannya, menaburkan fitnah terhadap Kasim, bagi menyenangi hati Gayah. Di tuduhnya Kasim mencuri padi. Bahkan ia sanggup pula menyerang kawan sekampungnya itu, kerana terlalu benci melihat perhubungan mereka. Tapi semua tindakannya tidak berhasil. Husain kemudiannya menjalankan usaha memiliki Gayah secara sah dengan menghantar orang pergi meminang gadis itu. Sekali lagi ia kecewa. Peminangan ditolak kerana Kasim dan Gayah sebenarnya telah ditunangkan sejak kecil. Setelah menyedari semua usaha gagal, lebih-lebih lagi selepas ia kalah bergaduh dengan Kasim, Hussain insaf dan menjadi orang baik.

Melalui novel ini kita melihat pengarangnya cuba menonjolkan unsur pengajaran moral kepada para pembaca. Beliau cuba memperlihatkan bahawa gadis desa pun sanggup bertindak menurut kemahuan nafsunya, jika ada kesempatan berbuat demikian. Terutama bila ada kesempatan berdua-duaan dengan orang yang disayangi. Jadi golongan ibubapa perlulah mengawasi anak mereka, supaya golongan muda-mudi, jangan diberikan kesempatan berdua-duaan. Inilah yang berlaku pada Kasim, bila ia mengunjungi Gayah ketika ibubapanya tiada di rumah. Membuatkan Gayah terus menagih kasih dari Kasim.

Abdullah Sidek tidak membiarkan pasangan ini terus hanyut dengan kebuasan nafsu mereka, beliau kemudiannya menamatkan hubungan 'romantis' itu dengan Kasim dan Gayah melangsungkan perkahwinan.

Pengarang novel ini juga memperlihatkan betapa besarnya pengaruh didikan agama, di dalam membentuk keperibadian seseorang. Ini dapat dilihat dari perlakuan Hussain, sebelum dan sesudah memiliki pengetahuan keagamaan. Kelakuannya mempamirkan kerendahan akhlak pemuda desa. Ia bukan sahaja sanggup mengendap orang mandi, mencuri padi dan kemudiannya pula sanggup menaburkan fitnah terhadap orang lain, menunjukkan ketiadaan pendidikan agama pada dirinya. Sebaliknya setelah insaf akan kesilapan diri, Hussair kemudian memperdalam pengetahuan agama di beberapa buah pondok di Kelantan. Ia pulang semula ke kampungnya sebagai seorang 'lebai' dan mendapat penghormatan yang baik masyarakat di tempat kelahirannya.

Jadi perlakuan 'munkar' yang dilakukan oleh seseorang itu, berkait rapat dengan sifat keimanan yang ada di dalam dirinya. Ia dapat dihubungkan dengan pendidikan agama yang dimiliki serta didikan ibubapa sekelian. Ketiga-tiga watak yang dipaparkan bagi membawa persoalan moral, merupakan lambang golongan muda-mudi desa yang tidak bagitu terdedah dengan pendidikan keagamaan. Kebaikan mereka, hanya dikawal oleh budaya hidup yang berlandaskan ajaran Agama Islam.

Kekurangan pendidikan agama yang mengakibatkan kejatuhan moral, lebih jelas di dapati di dalam novel Gadis Dusun Pergi ke Bandar. Melalui novel ini, Abdullah Sidek cuba menggambarkan pula persoalan moral gadis kota yang kurang didikan agama berbanding dengan gadis desa. Fatimah seorang anak gadis desa, telah dibawa oleh bapa

saudaranya tinggal bersama-sama mereka di kota. Di rumah bapa saudaranya ia menemui sepupunya bernama Hasnah, hidup bebas sebagai seorang gadis kota.

Kehidupan kedua-dua anak gadis ini, digambarkan oleh pengarangnya, amat berbeda sekali. Fatimah gadis yang mendapat didikan agama dari kedua ibubapanya, memperlihatkan aksi yang baik dan sentiasa patuh dengan suruhan TuhanNYA. Sebaliknya Hasnah,gadis kota yang terpengaruh dengan kehidupan moden, memperlihatkan kelakuan yang agak bertentangan. Pergaulannya yang bebas tanpa mendapat tentangan dari kedua orangtuanya, akhirnya menjerumuskan ia ke lembah maksiat. Hasnah mendapatkan dirinya hamil hasil dari pergaulan bebas dengan seorang pemuda Serani. Ibubapanya yang merasa malu, lalu bertindak menghalauinya dari rumah. Hasnah terpaksa membawa diri dengan menanggung perasaan malu yang tidak habis-habis.

Melalui novel ini, kita dapat melihat Abdullah Sidek memaparkan bagaimana kebebasan yang ditiru dari Barat,boleh merosakkan moral seseorang insan. Hasnah sebagai anak gadis kota yang dibirakan hidup bebas secara Barat,akhirnya menemui kemusnahan hidup dari kebebasan yang diberikan kepadanya. Manakala Fatimah,anak gadis desa yang hidupnya terikat kuat dengan nilai didikan agama serta kawalan yang sempurna dari ibubapanya,hidupnya bersih dari perbuatan tercela.

Sebuah lagi novel yang mengemukakan persoalan yang hampir sama dengan novel di atas ialah novel berjudul Duri Perkahwinan. Kali ini Abdullah cuba menonjolkan kerendahan

moral gadis kota kerana terlalu menurut nafsu semata-mata.

Pengarangnya menceritakan bagaimana perkahwinan seorang pemuda kota bernama Harun dengan seorang gadis desa bernama Aminah, tergugat kerana adanya godaan dari kota yang kecewa.

Zubaidah sebagai seorang yang kecewa, kerana Harun yang diharapkan sebagai bakal suaminya, telah berkahwin dengan gadis desa. Ia kemudiannya bertindak menggoda sepupunya itu dengan berbagai helah, agar perkahwinan mereka terlerai. Harun sebagai seorang pemuda kota, pernah hidup bebas, tidak menolak godaan sepupunya. Ia bukan sahaja membawa gadis itu pergi bersiar-siar atau membawanya pergi menonton, tapi juga sanggup berkejar-kejaran dengan gadis ini di hadapan isterinya sewaktu mereka berkelah. Ini tentulah menimbulkan rasa cemburu isterinya. Tidak memadai kelakuannya menggoda, Zubaidah kemudian membuat surat layang memfitnahkan isteri sepupunya membuat hubungan sulit dengan lelaki lain. Tindakannya itu, menyebabkan berlaku ketegangan rumah tangga Harun dan Aminah.

Tapi tiap yang buruk, pasti akan diketahui juga keburukannya. Demikianlah nasib yang menimpak diri Zubaidah. Perbuatan menulis surat layang, dapat diketahui juga oleh sepupunya. Harun sewaktu pulang dari pejabatnya, singgah di rumah Zubaidah. Ia menemui sepucuk surat yang sama tulisan dengan surat yang menuduh isterinya berlaku curang. Dari surat itu, tahu lah ia, bahawa Zubaidahlah yang menulis surat tersebut. Rumah tangga yang hampir runtuh, dapat ditegakkan semula. Zubaidah kemudiannya insaf serta menjadi seorang yang kuat beribadat.

Apa yang jelas dari kedua-dua novel yang memperlihatkan pengajaran moral, bahawa gejala kemungkaran yang dilakukan oleh seseorang itu, pasti mendapat balasan yang setimpal diberikan oleh pengarangnya. Di dalam Gadis Dusun Pergi Ke Bandar, Hasnah mendapat balasan yang setimpal dengan kemungkaran yang dilakukan, ia terhalau dari tempat tinggalnya dengan menanggung perasaan malu dan berdosa yang tidak berkesudahaan. Sebaliknya di dalam Duri Perkahwinan, Zubaidah yang hanya menjadi pengoda dan belum lagi meruntuhkan rumah tangga sepupunya, digambarkan oleh pengarang sebagai seorang yang telah menemui kebenaran. Ia menjadi seorang perempuan yang kuat beramal ibadat dengan Tuhan. Hukuman yang dijatuhkan oleh pengarang ini, bertujuan memberi peringatan atau petunjuk agar masyarakat tidak terpengaruh dengan amalan-amalan 'munkar' yang boleh meruntuhkan nilai akhlak seseorang bagi menjamin kehidupan yang bahagia.

Di dalam mengemukakan tema mengenai moral terutama mengenai persoalan mengenai moral kaum wanita, Abdullah Sidek bagitu simpati dengan golongan wanita yang sudah berkeluarga terutama yang ditinggalkan oleh suami mereka. Kesabaran dan kegigihan dan keimanan mereka, mendapat perhatian beliau. Hal inilah yang dipaparkan olehnya didalam novel Di Bawah Roda Penghidupan dan di dalam novel Tersungkur di Tengah-Tengah Masyarakat. Pembelaannya terhadap mereka yang tidak bermasib baik, jelas didapati di dalam kedua-dua buah novel tersebut. Beliau melihat taqdir yang menimpa keatas golongan yang lemah ini, mestilah diberikan simpati selagi mereka cuba berbuat baik. Ejekan dan tempelakan, akan merenggangkan mereka jauh dari masyarakat dan mungkin membawa kesan negatif kepada golongan ini.

Siti Hayati didalam novel DiBawah Roda Penghidupan, merupakan seorang ibu kepada seorang anak kecil yang ditinggalkan oleh suami yang tidak bertanggungjawab. Beliau digambarkan oleh pengarang sebagai seorang wanita yang teguh imannya dan punya keyakinan diri. Selepas ditinggalkan oleh suaminya Burhanuddin (yang kemudiannya diketahui sebagai Tengki Burhanuddin) Siti Hayati menghadapi hidupnya dengan penuh kesabaran dikota Singapura. Penderitaan sewaktu kecil dimana ia pernah dipelihara oleh mualigh Keristian, kemudian memeluk Islam bila bertemu dengan Burhanuddin, menjadikan ia seorang yang tabah. Siti Hayati bukan sahaja terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan mereka dua beranak,tapi juga ternaksa menghadapi godaan lelaki mata keranjang yang menjadi majikannya. Tapi sebagai seorang wanita yang teguh imannya dan vakin kebolehannya, akhirnya segala dugaan hidup dan penderitaan yang dialaminya, dapat diatasi. Siti Hayati dapat bertemu semula dengan suaminya Tengku Burhanuddin di Kuala Lumpur, walaupun sebagai isteri kedua namun hidupnya menjadi cerah semula.

Pembelaan pengarang terhadap golongan wanita yang ditinggalkan suami ini, jelas dari moral yang diperlihatkan oleh watak utamanya yang bernama Siti Hayati. Ketinggian moral wanita ini dapat dilihat dari penolakan godaan DKK Abdul Hamid Khan yang ingin memiliki tubuhnya;

"Tuan hendaklah mengerti dihadapan tuan saya terangkan, saya bukanlah perempuan yang suka menjual maruah meskipun disediakan wang seberapa yang ada di dalam simpanan tuan, saya bekerja disini kerana menyediakan nafkah hidup saya.
(hal. 43)

Kesah mengenai kesabaran dan ketabahan hati wanita yang sudah bersuami serta mempunyai anak kecil, merupakan perkara lumrah terjadi di dalam masyarakat Melayu. Tipa induk dari cerita "Si Tanggang" atau Cerita "Bawang Putih Bawang Merah", merupakan cerita-cerita yang bertujuan menanam semangat pembinaan moral yang baik bagi golongan muda, menjadi contoh pula kepada pengarang ini, membentuk cerita yang beraliran demikian. Penderitaan Siti Hayati dapat disamakan dengan penderitaan emak Si Tanggang menghadapi hidupnya. Sebagai seorang wanita yang tabah dalam hidupnya, Siti Hayati melambangkan wanita yang sungguh ideal, seorang isteri yang setia dan seorang ibu yang gigih dalam hidupnya. Inilah yang cuba ditonjolkan oleh pengarang ini.

Hal yang hampir sama dapat kita temui di dalam sebuah novel lain yang dihasilkannya. Ketabahan dan kesabaran seorang janda beranak satu, ketika zaman keresahan, menjadi tema di dalam novel Tersungkur di Tengah-Tengah Masyarakat. Melalui novel ini, Abdullah cuba mendedahkan kisah ketabahan dan kesabaran janda muda bernama Aisyah yang kehilangan suami ketika Jepun menyerang negeri ini. Bersama-sama ibunya yang sudah tuan, Aisyah dan anaknya kecil, menghadapi hidupnya dengan penuh keyakinan.

Saat penderitaan Aisyah jelas terbayang sejak kehilangan suaminya yang hendak ke Singapura. Ia kemudiannya terpaksa berpindah dari rumahnya di Pekan Muar ke satu kawasan kebun getah, kerana mengelak dari serangan bom yang digugurkan dari kapal terbang Jepun. Badannya yang sarat itu sungguh merisaukannya. Tapi dengan pertolongan Encik Budiman dan Cik Zaiton, ia selamat melahirkan anak ditempat perlindungan yang baharu itu.

Bila keadaan kembali aman, bagi menyarai mereka tiga beranak, Aisyah membuka warung menjual kueh-mueh. Tapi ini tidak berjalan lama kerana kesukaran hidup semakin terasa. Barang makanan semakin sukar didapati.

Dengan kematian ibunya kerana cuba mempertahankan dirinya dari dicabuli oleh askar Jepun, Aisyah terpaksa menghadapi hidupnya dengan caranya yang tersendiri. Ia menjadi anak wayang bangsawan, hasil pelawaan Rahim yang pernah menjadi teman sekampung. Sebagai tuan punya "Hiburan Opera", Rahim bagitu simpati dengan nasib yang menimpa diri Aisyah. Sewaktu bermain pasukan opera inilah ia bertemu dengan Abdul Rashid, seorang duda yang kematian isterinya. Setelah memikirkan masa depannya akan lebih terjamin dengan adanya lelaki melindunginya, Aisyah kemudian bersetuju berkahwin dengan Abdul Rashid.

Dalam kedua-dua buah novel yang mengemukakan tema ketinggian moral wanita yang telah ditinggalkan oleh suami, kita melihat pembelaan pengarang terhadap golongan ini. Baik Siti Hayati di dalam novel Di Bawah Pengaruh Roda Penghidupan mahupun Siti Aisyah di dalam Tersungkur di Tengah-Tengah Masyarakat, merupakan wanita yang teguh imannya. Walaupun keadaan hidup yang terdesak, tetapi kerana masih memiliki keimanan yang kukuh mereka tidak tercebur ke lembah kehinaan. Dan berkat kesabaran yang dimiliki, akhirnya mereka menemui kebahagian hidup sebenarnya.

Abdullah Sidek mengemukakan juga, tema mengenai kejujuran seorang anak lelaki yang suka berterus terang dengan ibubapanya.

Sikap jujurnya telah disalah mengertikan oleh ibubapanya dan menyebabkan ia dihalau dari rumah oleh bapanya. Inilah yang berlaku terhadap Kamaluddin anak kepada seorang Kadi, di dalam Dugaan Hidup.⁸ Oleh sebab sifat sabar yang dimiliki, ujian-ujian hidup yang dijalani selepas dihalau dari rumahnya telah menjadikan ia seorang pemuda yang cukup matang. Akhirnya ia menjadi seorang yang berjaya di dalam hidupnya.

Biarpun pengarang mengemukakan kesah yang kononnya berlaku beberapa tahun yang lampau, dan agak sukar dipercayaan kebenarannya, namun bagitu jelas unsur didaktik yang hendak disampaikan oleh Abdullah Sidek. Misalnya Kamaluddin di dalam pengembaraannya bertemu dengan Harimau Jadian yang sering mengacaunya. Tapi dengan bekal 'garam' dan 'jarum' yang diberikan oleh abang dan kakaknya, membuatkan ia berjaya menewaskan harimau jadi-jadian itu. Bahkan keberaniannya membuka 'rantai' yang melengkari leher harimau jadian itu, amatlah diragukan. Tapi sebagai sebuah cerita yang mengandungi unsur pengajaran di dalamnya, persoalan logik tidak cerita itu, tidak timbul. Akhirnya kerana sifat sabar, berani menghadapi dugaan, tahan menderita akhirnya ia berjaya dalam hidupnya.

Demikianlah antara novel-novel yang mengemukakan tema mengenai moral. Pada keseluruhannya novel-novel ini mengemukakan unsur didaktik untuk membentuk akhlak yang baik bagi masyarakat Melayu.

⁸ Abdullah Sidek, Dugaan Hidup, Ipoh: The Malay Press, 1948.

Pempararan wanita dengan keteguhan imannya menghadapi penceroba, bertujuan membentuk satu keperibadian golongan wanita Melayu supaya mencontohi keperibadian wanita yang bermoral. Sebaliknya perlakuan wanita yang rendah akhlaknya kerana terpengaruh dengan cara hidup moden, bertujuan supaya unsur-unsur negatif yang merosakkan masyarakat, hendaklah dijauhi. Di samping itu, untuk membentuk peribadi yang baik, pendidikan agama dan asuhan yang betul dari ibubapa, adalah diperlukan untuk membina keperibadian yang unggul. Masyarakat Melayu yang sedang mengalami pertembongan hidup moden adalah sangat memerlukan satu tunjuk ajar yang **betul**. Dengan mengemukakan tema mengenai moral, pengarangnya mengharapkan masalah moral yang merisaukan masyarakat ketika itu, dapat diredakan sedikit kegelisahannya.

4.2 TEMA SOSIAL

Persoalan mengenai sosial mempunyai kaitan erat dengan persoalan mengenai moral, kemasyarakatan dan kebudayaan. Jalinan unsur-unsur inilah yang membentuk corak hidup masyarakat Melayu. Keadaan masyarakat Melayu selama ini di kongkong oleh berbagai norma-norma masyarakat tradisional, cuba membebaskan diri dari adat lama ini. Golongan yang berpandangan jauh, menganggap kongkongan adat lama perlu ditembusi sekiranya masyarakat Melayu ingin maju setanding dengan masyarakat lain.

Kepulangan reformis ugama yang mendapat didikan di Timur Tengah, menolong mempercepatkan kesedaran pembaharuan dibidang sosial. Tulisan mereka mengenai kesedaran sosial yang berdasarkan kehidupan di Timur Tengah, mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu. Penonjolan kebebasan wanita melalui novel Hikayat Faridah Hanum, merupakan langkah pertama memperkenalkan penentangan terhadap kongkongan adat yang berlaku di dalam masyarakat Melayu.

Penentangan terhadap kongkongan adat lama semakin meluas, bila lebih ramai orang Melayu mendapat didikan yang lebih sempurna. Guru-buru merupakan agen penubuhan sosial paling dekat dengan masyarakat dan mereka merupakan contoh yang ideal untuk masyarakat Melayu di desa. Bila lebih ramai anak gadis dapat bersekolah dan menjawat jawatan guru, secara beransur-ansur kongkongan adat mulai tercabar.


Di dalam situasi seperti ini, menimbulkan pula kesedaran kepada para pengarang untuk turut sama mengemukakan penentangan terhadap nilai-nilai tradisional yang pada anggapan mereka sebagai membelenggu kehidupan generasi muda. Kebebasan cara hidup masyarakat lain, amat mempengaruhi pemikiran mereka. Tanpa sebarang sekatan adat, seseorang itu dapat lebih bebas bertindak dan lebih bebas bergerak untuk meninggikan cara hidupnya.

Apa yang menjadi perhatian para pengarang ini di dalam soal sosial, kebebasan individu mestilah diperlakukan di dalam kehidupan masyarakat Melayu, seajar dengan kehidupan moden yang diamalkan di dalam masyarakat yang lebih maju. Cara hidup moden seperti perkenalan muda-mudi sebelum berkahwin, kebebasan memilih sendiri pasangan hidup, penentangan campurtangan ibubapa di dalam kehidupan berumahtangga, merupakan saranan yang cuba ditonjolkan.

Di dalam mengemukakan persoalan mengenai sosial, pengarang ini lebih menampakkkan keghairahan untuk mengemukakan saranannya di dalam mendapatkan kebebasan individu di dalam masyarakat yang masih terikat kuat dengan kongkongan adat. Oleh kerana persoalan sosial ini mempunyai kaitan rapat dengan soal moral, kemasyarakatan dan kebudayaan, maka persoalan mengenai sosial terpaksa dipisahkan kepada dua pembahagian.

Soal-soal yang berkaitan dengan kebebasan individu seperti soal cinta muda-mudi, kahwin paksa dan kerukunan berumahtangga diletakkan dibawah persoalan "Kebebasan Sosial" dan hal-hal yang menyangkutti masalah kemasyarakatan diletakkan di bawah persoalan "Masalah Sosial"

RAJAH I. PEMBAHAGIAN TEMA



4.2.1 KEBEBASAN SOSIAL

Persoalan mengenai kebebasan sosial lebih jelas terdapat di dalam soal-soal percintaan muda-mudi, kahwin paksa dan kerukunan berumahtangga yang tidak mahu diikat dengan adat tradisional.

Persoalan ini muncul ketika pertembungan budaya Melayu dengan budaya Barat, bagitu hebat diperkatakan di dalam masyarakat Melayu.

Pertentangan golongan muda yang merasakan diri mereka terikat kuat dengan berbagai norma masyarakat lama dengan golongan tua yang terus mahu mempertahankan nilai-nilai tradisional, menimbulkan berbagai pertentangan pendapat. Timbul satu kecenderungan golongan muda untuk membebaskan diri mereka dari kongkongan adat lama.

Satu persoalan yang sering ditimbulkan dalam masalah kebebasan sosial ialah kisah percintaan muda sebelum berkahwin. Pengarang ini merasakan bahawa dalam masalah mendapatkan kerukunan dan kebahagian rumahtangga, muda-mudi hendaklah kenal mengenal antara satu sama lain terlebih dahulu sebelum berkahwin. Adanya perasaan cinta-mencintai dan kasih-mengasihani, baharulah kebahagian rumahtangga dapat dinikmati. Perkara ini dapat dicapai dengan memberikan kesempatan kepada para muda-mudi berkenalan terlebih dahulu.

Dalam pada itu cinta muda-mudi bukanlah terbentuk tanpa sebarang halangan. Penentangan paling ketara datangnya dari ibubapa muda-mudi itu sendiri disamping golongan tua yang melihat perlakuan ini sebagai menyeleweng dari norma-norma masyarakat dan ajaran ugama Islam. Disamping itu, kekuasaan mutlak ibubapa terhadap anak-anak, membolehkan mereka yang menentukan jodoh pertemuan bagi anak-anak mereka tanpa sebarang tolak ansur.

Manakala sikap pasif golongan muda untuk tidak mengingkari perintah ibubapa, dapat dikaitkan pula dengan cara didikan dan pelajaran ugama Islam yang diterima. Sikap tidak mahu dicap oleh ibubapa sebagai anak derhaka, membuatkan mereka sanggup menerima sahaja segala perintah ibubapa. Walaupun dengan bersikap demikian mereka terpaksa mengurbangkan perasaan sendiri, mereka lebih rela.

Di dalam keadaan seperti ini, para pengarang menggunakan media sastera sebagai salah satu cara untuk menyedarkan golongan tua betapa sikap mereka itu sudah ketinggalan. Mereka perlu menyesuaikan dengan suasana sebenar seperti yang diinginkan oleh golongan muda. Hal inilah kemudiannya menjadi persoalan didalam beberapa buah novel Abdullah Sidek.

Persoalan tentang cinta muda-mudi sebelum kahwin menjadi tema yang penting sekali dalam soal kebebasan sosial. Soal cinta yang menjadi persoalan universal bagi kebanyakan karya dunia, turut menjadi idea pokok kepada pengarang ini. Kebanyakan persoalan cinta muda-mudi yang dikemukakannya melibatkan juga watak bangsa asing, disamping watak muda-mudi Melayu sendiri. Persoalan mengenai cinta muda-mudi dapat dilihat didalam novel-novel Pertemuan Yang Berbahagia (1939)⁹, Gelombang Hidup(1938)¹⁰, Semangat Yang Tercuri(1940)¹¹, Gadis Hulu Muar(1941), Kerana Kongres(1948)¹² dan Doktor Zahari(1948)¹³.

⁹ Abdullah Sidek, Pertemuan Yang Berbahagia, Muar: Jamilah Press, 1939.

¹⁰ Abdullah Sidek, Gelombang Hidup, Muar: Jamilah Press, 1938

¹¹ Abdullah Sidek, Semangat Yang Tercuri, Muar: Muhammadiyah Press, 1940.

¹² Abdullah Sidek, Kerana Kongres, Johor Baharu, Annies Printing Works, 1948.

¹³ Abdullah Sidek, Doktor Zahari, Johor Baharu: Annies Printing Works, 1948 .

Novel Gelombang Hidup mengemukakan persoalan cinta muda-mudi yang berlainan status masyarakat. Cinta itu Buta. Demikian kata cerdik pandai yang bijak di dalam soal berkasih sayang. Dari falsafah cinta yang amat lumrah dilaung-laungkan, Abdullah Sidek kemudiannya memaparkan kisah percintaan Abd.Hamid seorang anak hartawan dengan Hamidah anak pekerja ladang bapanya sendiri. Akibat runtunan cinta dan kasih sayang yang tidak terhingga, Hamid kemudiannya berkahwin dengan Hamidah, walaupun mendapat tentangan ibubapanya.

Ibubapa Hamid yang kaya dan bongkak, tidak menginginkan menantu yang miskin dan rendah darjatnya. Mereka lalu bertindak menghina Hamidah serta menghalauanya mereka keluar dari rumah mereka. Tidak memadai dengan perbuatan itu, mereka kemudiannya memaksa Hamid menceraikan isterinya. Hamid yang kecewa dengan sikap mentuanya, lari ke Singapura selepas ia diceraikan oleh Hamid dan bekerja sebagai pelakun bangsawan untuk menyarai hidupnya.

Setelah Hamid bercerai dengan isterinya, ia kemudian dikahwinkan dengan sepupunya, Rahmah. Tapi sayang, perkahwinan dengan gadis yang kurang pendidikan ugama, menimbulkan masalah lain pula bagi Hamid. Rahmah yang terlalu inginkan Hamid tunduk kepadanya, telah menggunakan ubat guna-guna. Ini diketahui oleh Hamid dan dia bertindak menceraikan Rahmah. Ia kemudiannya menemui bekas isterinya Hamidah dan mereka pun berkahwin semula.

Di dalam novel ini, kita dapat melihat sikap pengarang ini yang tidak bagitu menyetujui ibubapa campurtangan di dalam perkahwinan anak-anak mereka. Cukup jelas penentangan beliau.

Ia... menentang golongan ibubapa yang mengahwinkan anak-anak semata-mata kerana status dan wang ringgit, dengan memperlihatkan akibat selepas tindakan campurtangan itu. Perkahwinan yang disukai oleh ibubapa, kerana harta, tidak memperlihatkan kebahagiaan berumahtangga. Pasangan itu akhirnya bercerai. Pengarang melukiskan watak ibubapa Hamid sebagai golongan yang melupai hukum Allah yang telah menetapkan jodoh pertemuan itu ditangannya. Perbuatan memutuskan ikatan perkahwinan itu sendiri amat bertentangan dengan ajaran Islam. Dengan demikian, perkahwinan mereka manakan bahagia. Jadi terpaksalah berlaku perceraian kepada pasangan yang terlibat. Abdullah Sidek melalui novel ini semacam memberi ingatan kepada ibubapa, mestilah mengubah sikap memandang harta untuk perkahwinan anak-anak mereka.

Sikap campurtangan ibubapa, menggugat cinta muda-mudi. Tapi perlakuan ini tidak menghalang pasangan yang berkasih-kasihan itu terus menjalankan hubungan mereka. Ini jelas terdapat di dalam novel Pertemuan Yang Berbahagia. Di dalam novel ini, Shamsiah yang sedang berkasih-kasihan dengan Shamsuddin, terpaksa berpisah kerana ibubapanya memaksanya berkahwin dengan sepupunya. Oleh sebab perkahwinan itu dijalankan secara paksaan, sepupu Shamsiah yang bernama Sulaiman bertindak memutuskan perkahwinan mereka. Ini membolehkan Shamsiah menjalankan semula hubungan mesranya dengan Shamsuddin.

Hal yang hampir sama berlaku juga terhadap Zahari di dalam Doktor Zahari. Ia dipaksa berkahwin dengan sepupunya yang terlalu memandang kebendaan. Perkahwinan tanpa perkenalan lebih dahulu itu, mendukacitakan Zahari dan bekas tunangnya bernama Zaharah. Ekoran dari terlalu berduka, Zahari menjadi buta ketika dua minggu perkahwinannya dengan Habibah hendak dijalankan. Ini menyebabkan Habibah menolak perkahwinan tersebut. Tindakan ini menguntungkan Zaharah. Oleh kasihnya yang tidak kunjung padam, tanpa memperdulikan kecacatan Zahari, Zaharah bersetuju berkahwin dengan kekasihnya yang dipuja selama ini.

Apa yang jelas dari novel-novel yang mengemukakan persoalan cinta muda-mudi, memperlihatkan sikap optimis pengarang terhadap percintaan sebelum berkahwin merupakan faktor utama mendapatkan kebahagian berumahtangga. Perkahwinan yang tidak didahului dengan perkenalan, akan berakhir dengan keruntuhan rumah tangga. Inilah yang berlaku pada rumah tangga Zahari dengan Habibah di dalam Doktor Zahari, Hamid dengan Rahmah di dalam Gelombang Hidup dan Shamsiah dengan Sulaiman di dalam Pertemuan Yang Berbahagia.

Satu hal yang nyata dalam novel-novel yang mengemukakan persoalan mengenai cinta muda-mudi sebelum berkahwin, Abdullah Sidek memperlihatkan juga perlakuan yang agak bertentangan dengan moral masyarakat Melayu, bahkan bertentangan pula dengan ajaran Islam. Ini terdapat dari perlakuan sumbang yang dilakukan oleh watak-watak dari golongan muda-mudi yang bercinta.

Di dalam beberapa pertemuan antara muda-mudi yang bercinta-cintaan, Abdullah Sidek sering menggambarkan pertemuan semula berlaku di dalam keadaan yang sungguh romantik. Di dalam Pertemuan Yang Berbahagia, Shamsuddin tanpa malu terus memeluk dan mencium Shamsiah di hadapan sepupunya. Dari perlakuan mereka itu, menyebabkan sepupunya lari. Bagitu juga di dalam Doktor Zahari, Zaharah sebagai seorang ustazah yang telah digambarkan oleh pengarang ini sebagai seorang kuat imannya, sembahyang tidak tinggal, tapi bila mengunjungi kekasihnya, ia menjadi terlalu gembira dan terlena di dalam dakapan kekasihnya.

Adanya peristiwa seperti ini dimasukkan oleh pengarang, merupakan lanjutan dari cara memperjuangkan kebebasan yang perlu diberikan kepada kaum wanita Melayu. Jika selama ini, anak gadis sentiasa dipingit dan dikurung, tapi dengan mengemukakan watak golongan terpelajar dan tinggal pula dikota, pengarangnya berharap kebebasan sosial patut diberikan untuk wanita. Bagi pengarang ini, golongan terpelajar yang tinggal dikota, merupakan agen perubahan sosial yang diharapkan berlaku di dalam masyarakat Melayu.

Melalui novel Semangat Yang Tercuri, kita dapat melihat persoalan mengenai cinta suci yang terhalang kerana kelainan status hidup. Kesah pemuda yang bernama Tara anak peribumi Papua jatuh cinta kepada Sukinah, ketika ia tinggal dengan keluarga gadis itu di Jakarta. Oleh kerana anak peribumi yang dianggap ketinggalan rupa yang tidak menarik, luahan cintanya yang jujur itu, tidak dilayan oleh anak gadis kota yang bernama Sukinah.

Ini menimbulkan kekecewaan dan putus harapan bagi pemuda yang pertama kali mengenali apa erti cinta. Ia kemudiannya menyepikan diri. Lalu pulang semula ketempat tumpah darahnya di Manitong, Papua. Dari rasa kecewa kerana cintanya tidak dibalas oleh gadis kota, huluran kasih anak gadis masyarakatnya bernama Ketumai, ditolaknya. Ketumai anak gadis desa yang malang ini, menjadi lebih malang lagi bila bapanya cuba membunuh Tara, ia sendiri menjadi mangsa tikaman bapanya. Tara, pemuda yang kecewa terus membawa dukalaranya tanpa diketahui kemana ia pergi.

Kepulangan Tara, rupa-rupanya memberikan juga kesan kepada anak gadis Doktor Sulaiman yang bernama Sukinah. Ia kemudiannya mengikuti bapanya datang ketempat tumpah darah Tara; untuk mencari buah hatinya. Kecewa kerana tidak menemui teruna idamannya, anak gadis ini mengambil jalan rengkas, ia bertindak terjun kelaut ketika mahu pulang ke Betawi.

Dari novel ini pengarangnya cuba menjelaskan bahawa percintaan muda-mudi, tidak semestinya berakhir dengan perkahwinan. Ada faktor-faktor penghalang untuk pasangan itu hidup bersama.

Gagalnya sesuatu hubungan cinta suci Tara dan Sukinah adalah disebabkan status mereka yang berbeda. Wiranya dari kalangan yang tidak berada dan wirawatinya pula dari golongan berada. Perbezaan kelas seperti ini merupakan penghalang besar untuk pasangan muda-mudi untuk menjalinkan hubungan kasih antara mereka.

makikat yang sebenar hendak disampaikan oleh pengarang ini, bahawa status hiduplah yang menyebabkan anak muda tidak dapat menjalankan hubungan kasih sayang. Inilah yang menyebabkan kematian baitu tragik bagi gadis kota bernama Sukinah. Ia menjadi kurban cinta yang tidak sampai. Bagitu juga dengan Tara, kerana mempertahankan kasihnya terhadap orang yang dicintai, ia terpaksa membawa diri entah ke mana. Demikianlah berpengaruhnya status hidup sebagai penghalang kepada percintaan muda-mudi.

Selain dari itu, ada beberapa buah novel lain yang memaparkan juga persoalan mengenai cinta muda-mudi sebelum berkahwin sebagai asas mendapat kebahagian berumahtangga. Di dalam novel Kerana Kongres, Abdullah mengesahkan percintaan antara Badaruddin dengan Badariah, hasil pertemuan pertama mereka di dalam satu persidangan politik. Ekoran pertemuan itu, berakhir dengan pasangan ini ke jinjang pelamin. Bagitu juga di dalam Gadis Hulu Muar, Abdullah mengemukakan kesah percintaan gadis dan teruna desa, yang juga berakhir dengan perkahwinan.

Dari beberapa buah novel yang membawa persoalan mengenai percintaan muda-mudi sebelum berkahwin, amat jelas sikap pengarang ini. Baginya puncak kebahagiaan hidup berumahtangga ialah melalui perkahwinan mestilah didahului dengan perkenalan antara pasangan yang berkenaan. Muda-mudi yang hendak berkahwin, perlulah berkenal-kenalan dan mengetahui perasaan masing-masing.

Setelah saling kenal mengenal dan saling faham memahami jiwa masing-masing, maka perkahwinan akan membawa kebahagiaan. Sebaliknya perkahwinan tanpa didahului dengan perkenalan, perkahwinan yang dilakukan dengan cara paksaan, akan membawa kepada keruntuhan rumah tangga.

Persoalan mengenai kebebasan sosial yang lain turut disentuh oleh pengarang ini ialah persoalan mengenai kahwin paksa. Di dalam beberapa buah novel yang mengesahkan percintaan muda-mudi, Abdullah mengemukakan masalah ini sebagai batu penghalang kepada hubungan kasih antara muda-mudi. Ibu bapa memaksa anak muda mereka berkahwin dengan pasangan yang diinginkan oleh mereka. Inilah yang berlaku kepada Zahari di dalam Doktor Zahari, Hamid di dalam Gelombang Hidup, dan Shamsiah di dalam Pertemuan Yang Berbahagia. Tapi oleh kerana pengarangnya cuba menonjolkan persoalan cinta muda-mudi, halangan dari kahwin paksa ini dapat diatasi oleh mereka yang terlibat yang berkesudahan dapat mereka berkahwin dengan pasangan, masing-masing.

Abdullah Sidek telah menghasilkan sebuah novel yang benar-benar mempersoalkan keburukan akibat kahwin paksa. Melalui novel yang diberikan judul Gara-Gara Kahwin Paksa¹⁴, pengarangnya cuba memaparkan persoalan yang hangat diperkatakan ketika itu. Bagi pengarang ini, ia melihat persoalan ini lebih banyak membawa keburukan kepada masyarakat.

¹⁴

Abdullah Sidek, Gara-Gara Kahwin Paksa, Johor

Dalam novel ini, kita menemui seorang gadis celek bernama Putih anak kepada Tuan Haji Salleh sedang berkasih-kasihan dengan seorang pemuda muzik bernama Jamil. Hubungan kasih mereka yang dijalin dengan tali pertunangan diputuskan oleh ibubapa yang mata duitan kerana terpengaruh dengan kekayaan yang dimiliki oleh DDK Tambi Ahmad Marikan. Walaupun Putih menentang perkahwinannya dengan lelaki tua yang boleh dianggap datuk itu, tetapi tidak diindahkan oleh orangtuanya. Mereka tetap berkeras mahu melangsungkan perkahwinan yang telah siap diatur dengan penuh kemeriahan.

Jika ibubapa sanggup mengenepikan perasaannya kerana mempunyai muslihat sendiri, demikian juga dengan Putih. Tindakan ibubapanya menjadikan Putih lebih nekad. Dia lari dari rumahnya selepas sahaja Majlis Persandingannya dengan Tambi DKK itu. Esoknya, mayat Putih didapati tersangkut pada sebatang tiang oleh seorang penduduk kampung. Putih mati membunuh diri.

Selepas kematian Putih, bekas tunangnya dituduh. Tapi dari surat-surat Putih yang ditulis untuk ibubapanya, membuatkan Jamil dibebaskan. Jamil didapati tidak bersalah. Manakala Tambi Ahmad Marikan yang kecewa memiliki Putih, kemudiannya bertindak menyaman Haji Salleh kerana kerugian akibat kematian Putih. Perkara ini terpaksa diselesaikan dimahkamah. Haji Salleh yang kehilangan Putih, bak kata orang tua-tua "sudah jatuh ditimba tangga", terpaksa pula menjual tanahnya untuk mempertahankan dirinya dimahkamah. Ia akhirnya jatuh miskin.

Dengan pemaparan berbagai peristiwa yang menimpa Haji Salleh iaitu melambangkan ibubapa yang materialistik, pengarang cuba menonjolkan keburukan akibat amalan kahwin paksa. Bukan sahaja ibubapa turut mengalami kerugian harta benda, tapi juga kehilangan anak gadis mereka, perkahwinan yang dirancangkan dengan bagitu meriah tidak mencapai matlamat sebenarnya. Ibubapa yang terlalu mengharapkankekayaan orang lain, dengan tidak berfikir panjang, sanggup mengurbankan anak gadis semata-mata mahu memenuhi keinginan nafsu, dan tamak haloba mereka.

Melalui watak Putih, pengarang memperlihatkan penentangannya terhadap amalan kahwin paksa, yang dipandangnya lebih banyak keburukan. Walaupun Putih telah mati, suara untuk meneruskan penentangan terhadap amalan itu terus berlaku. Dalam sepucuk surat Putih kepada temannya Maimon, kita dapat melihat penentangan pengarang ini terhadap masalah ini;

"Sepeninggalan saya pergi ini ingatlah saudara perjuangan kita, kepada saudaralah saya serahkan, hanya kepada saudaralah saya tumpahkan segala harapan, berjuanglah terus sehingga mengeluarkan hasil dan buah yang berguna kepada jenis kita yang lain yang akan datang. (hal.43)

Demikianlah nada protes pengarang ini terhadap masalah yang tidak menyenangkan masyarakat Melayu di tahun-tahun sebelum perang. Corak perkahwinan secara paksa, bukan sahaja bermotifkan harta benda dan pangkat tapi juga kerana menjaga pertalian kekeluargaan. Di dalam suasana seperti ini

masyarakat Melayu hidup sebagai masyarakat tertutup, tidak bagitu menggalakkan perkahwinan diluar kaum kekeluargaan ataupun puak. Ibubapa sering memaksa anak gadis atau anak muda mereka berkahwin dengan kaum keluarga yang hampir seperti sepupu ataupun dua pupu. Selain menjaga kepentingan kekeluargaan, motif harta tidak dapat diketepikan langsung. Takut harta jatuh ke tangan orang lain.

Salah satu sudut yang menjadi fokus tema-tema novel Abdullah Sidek ialah persoalan mendapatkan kerukunan rumah tangga. Keadaan rumah tangga yang kucar kacir, bagi pengarang ini adalah disebabkan pengaruh pemodenan yang mempengaruhi sesebuah keluarga, disamping campurtangan ibubapa masing-masing. Di dalam beberapa buah novel yang dihasilkannya, ia melihat pengaruh kehidupan moden seperti cara pergaulan terlalu bebas, suami yang terpengaruh dengan perempuan kabaret, minuman keras, isteri curang, isteri kurang pendidikan ugama, terlalu mengejar kemewahan dunia, merupakan punca runtuhnya sesebuah rumah tangga.

Di dalam Iblis Rumahtangga¹⁵, beliau memaparkan keruntuhan sebuah rumah tangga yang dibina atas dasar cinta, akibat terpengaruh cara hidup moden. Sulaiman seorang pemuda terpelajar mengahwini isterinya Maimunah, atas dasar suka sama suka. Maimunah sanggup tinggalkan ugama Keristian, semata-mata menurut hatinya untuk berkahwin dengan Sulaiman, oleh sebab Sulaiman sering berpergian, menjadikan Maimunah sentiasa kesunyian. Atas gesaan serta

¹⁵ Abdullah Sidek, Iblis Rumahtangga, Muar: Jamilah Press, 1939.

atas desakan isterinya, Sulaiman memanggil seorang guru piano untuk mengajar isterinya bermain piano.

Kerana sering ditinggalkan oleh suami dan selalu pula bersama-sama guru piononya, menyebabkan terjadi hubungan sulit antara mereka. Sulaiman yang mengetahui kecurangan tersebut, lalu menceraikan isterinya walaupun berkali-kali merayu supaya dimaafkan perbuatannya. Maimunah kemudiannya meninggalkan rumah Sulaiman dan terpemangkap dilembah pelacuran. Tapi dengan pertolongan teman Sulaiman, ia diambil bekerja dirumahnya hingga Sulaiman menjadi insaf dan mengajak Maimunah kembali kerumahnya semula.

Jelas disini, keruntuhan rumah tangga Sulaiman dan Maimunah berpunca dari salah langkah Sulaiman sendiri. Ia cuba mengisi kesunyian hati isterinya dengan menyediakan seorang guru musik yang muda. Dijangkakan perbuatannya itu dapat mengisi kesunyian hati isterinya. Tapi langkahnya, menjerumuskan isteri kelembah maksiat. Sepatutnya Sulaiman mesti menyediakan seorang guru ugama, bagi membimbing isterinya yang baharu memeluk ugama Islam menjadi orang yang lebih beriman.

Kesah keruntuhan sesebuah rumah tangga boleh juga kita ketemukan di dalam Berjanji di Keretapi¹⁶. Novel ini memaparkan kesah keruntuhan dua keluarga yang cuba mempraktikkan cara hidup secara Barat.

¹⁶

Abdullah Sidek, Berjanji di Keretapi, Kuala Pilah:

Sentosa Store, 1942.

Kita melihat gejala yang meruntuhkan rumahtangga Jamaluddin seorang kerani di "Frasser and Neave" Singapura dan rumahtangga Norlia seorang guru di Kuala Lumpur, berpunca dari pengaruh kehidupan moden.

Melalui cerita Norlia kepada Jamaluddin, kita dapat percerian yang berlaku antara Norlia dengan suaminya berpunca dari keliaran suaminya sendiri. Abdul Rashid seorang guru lepasan MPSI yang berkahwin dengan Norlia atas dasar suka sama suka, mulai menjadi liar, ketika Norlia mengandung anak sulung. Suaminya menggunakan alasan untuk mengajar Bahasa Melayu kepada beberapa orang Putih untuk menambahkan pendapatan mereka, sebagai alasan untuk keluar rumah dan berpoya-poya dengan penari kabaret, mengenali arak dan pulang jauh-jauh malam. Kecurangan suaminya diketahui juga. Akibatnya, terjadi pertengkaran sehingga ia menerima surat cerai dari suaminya. Norlia telah ditalakkan oleh suaminya, kembali semula kerumah orangtuanya.

Rumahtangga Jamaluddin musnah kerana isterinya terpengaruh mengejar kebendaan dan ingin hidup bebas, Fatimah isterinya merasakan hidupnya bersama Jamaluddin tidak mewah kerana ia terperuk cepur dapur. Ini membuatkan ia sering pulang kerumah bapanya. Hingga suatu masa ia berkenalan dengan Merinyu Polis yang biang, lalu terperangkap dengan skandal seks dengan pegawai polis tersebut. Jamaluddin yang terjumpa kecurangan isterinya, ia kemudian menceraikan isterinya.

Dari kedua peristiwa ini, nyata pengarangnya cuba memperlihatkan bahawa keruntuhan rumahtangga berpunca dari modenisasi yang diamalkan, oleh mereka. Suami yang terpengaruh dengan perempuan lain, merupakan faktor paling utama menyebabkan terjadi sesuatu perceraian. Ini jelas dari syarat perjanjian Norlia dengan Jamaluddin ketika mereka bercadang hendak berkahwin. Bagi Norlia:

"Hari kami orang perempuan Encik Jamal tahu, tiap seorang lelaki yang telah dijadikan oleh kaum keluarganya jadi suaminya itu, niat hati si isteri itu tubuh badan dan hati suami itu zahir dan batin ialah jadi hak kepunyaan sendiri. Tidaklah sekali-kali ia reda dibahagi-bahagikan kepada beberapa orang lain samada pembahagian itu dengan jalan haram atau halal.(hal.56)

Keruntuhan rumahtangga oleh campurtangan ibu mertua dan sikap suami yang tidak bertanggung-jawab, dikemukakan juga oleh Abdullah Sidek di dalam novel yang berikutnya. Melalui novel Nasib Hasnah¹⁷, kita dapat i rumah tangga Hasnah berkecaci kerana campurtangan ibu mertua dan sikap suaminya yang tidak bertimbang rasa itu. Hasnah yang dikahwinkan dengan Mohd Said berpindah kerumah ibu mertuanya yang bernama Saadiah, sikap ibu mertua yang keterlaluan mengawal segala pergerakannya mendukacitakan. Hasnah bukan sahaja tidak dibenarkan melawat jiran-jiran tetapi juga tidak dibenarkan menerima tetamu oleh mertuanya. Tindak-tanduk dan

¹⁷ Abdullah Sidek, Nasib Hasnah, Muar: Muhammadiyah

sikap kejam ibu mertuanya dapat dilihat dari perbuatannya memukul Hasnah dengan penyapu, semata-mata kerana seketul ikan terubuk dimakan oleh tompek, kucing kesayangan ibu mertuanya.

Bagitu juga suaminya Mohd Said, bukanlah seorang suami yang mahu bertolak ansur dan mempunyai sifat kasih sayang. Ia seperti juga emaknya, bukanlah lelaki layak dijadikan suami. Mohd Said bukan sahaja tidak mengambil berat tentang diri Hasnah, tetapi juga mertuanya. Selama berkahwin ia jarang pulang menjenguk ibu mertuanya. Bahkan selama enam bulan Hasnah pulang kerumah orang tuanya selepas terjadi pertengkaran dengan Mohd Said, suaminya tidak pernah menjenguknya.

Kerana merasakan hidupnya seperti berada di dalam neraka dunia, Hasnah kemudiannya berjaya membebaskan ikatan perkahwinannya dengan pertolongan abangnya yang bekerja sebagai seorang guru. Tidak lama kemudian ia berkahwin dengan duda beranak satu yang lebih berbudi bahasa.

Di dalam memperjuangkan kebebasan sosial untuk golongan muda-mudi, kita dapati Abdullah Sidek lebih banyak mengemukakan persoalan yang lebih bersifat individu di dalam mendapat kebebasan hidup terutama kebebasan berkeluarga dan berumahtangga. Pengarangnya melihat pengaruh kehidupan moden dari Barat perlu diserap dan diaprisiasi di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Disebabkan

oleh hasrat terlalu ingin menonjolkan pengaruh pemodenan Barat, kadang-kadang dimasukkan juga unsur-unsur negatif yang boleh merosakan nilai-nilai hidup masyarakat Melayu yang kebanyakannya bertaraskan ajaran Islam.

Sebenarnya ada tiga persoalan penting yang sering dikemukakan oleh Abdullah Sidek di dalam soal-soal mengenai kebebasan sosial. Ini meliputi persoalan mengenai cinta muda-mudi sebelum berkahwin, penentangan terhadap adat kahwin paksa dan persoalan mendapatkan kerukunan berumahtangga. Soal-soal kebebasan yang lain seperti kebebasan untuk anak perempuan mendapatkan pelajaran tidak disentuh langsung. Mengenai penonjolan kebebasan wanita ala Barat dikemukakan melalui beberapa orang watak gadis Melayu. Penonjolan emansipasi wanita tidaklah sehebat tokoh Salamah di dalam Iakah Salamah. Wanita yang ditonjolkan di dalam novel-novelnya, agak terhad aksi dan tindak-tanduk mereka. Masih terikat dengan nilai-nilai masyarakat tradisional. Wataknya tidak boleh berdiri sendiri seperti watak Salamah yang bagitu progresif sekali.

Secara keseluruhan berdasarkan tema-tema yang dikemukakan oleh Abdullah Sidek, jelas memperlihatkan penentangan beliau terhadap kongkongan adat yang dianggapnya menyekat untuk muda-mudi bergerak. Jadi untuk itu, untuk muda-mudi menjadi tidak terikat dengan kongkongan adat, mereka seharusnya mengikut cara hidup yang diamalkan di dalam kehidupan Barat.

4.2.2 MASALAH SOSIAL

Di dalam situasi masyarakat Melayu menghadapi berbagai delima hidup, Abdullah Sidek turut mengemukakan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakatnya di dalam novel-novel yang dihasil kannya. Masalah sosial yang menjadi fokus utama ialah ketidakstabilan hidup golongan miskin akibat eksploitasi golongan berada. Disamping mempamirkan kekuasaan 'ringgit' golongan ini ke atas corak kehidupan bermasyarakat, beliau juga cuba menonjolkan sikap negatif mereka yang meruntuhkan norma-norma hidup masyarakat Melayu. Dalam pada itu, terdapat juga golongan hartawan yang sanggup menolong anak bangsanya untuk maju. Dari keadaan bagini, kita dapat melihat sikap pengarang terhadap masalah yang cuba dipaparkannya itu.

Dari novel Manusia Yang Buas (1939)¹⁸, Abdullah Sidek mengemukakan penyelesaian kepada persoalan keresahan hidup golongan 'proletar' akibat penindasan dan eksploitasi golongan 'borjois' sewaktu keadaan ekonomi meleset. Salleh Betawi ketika mlarikan dirinya dari buruan Belanda, mendapati dirinya terlonta-lonta tanpa sebarang pekerjaan di Singapura. Ia kemudian dengan harapan mendapat sebarang kerja yang sesuai, lalu berhijrah pula ke Segamat. Tapi di sini pun nasibnya tidaklah bagitu baik. Ia terus menganggur walaupun telah berusaha menawarkan tenaganya untuk sebarang pekerjaan.

¹⁸ Abdullah Sidek, Manusia Yang Buas, Muar, Muhammadiyah Press, 1939.

Terbit rasa kecawa sikap golongan berada dan juga pehak birokrasi tidak memberikan pertolongan, Salleh Betawi kemudian mengumpul teman-teman yang senasib dengannya untuk meroboh nasib mereka dengan cara agak kontervesi. Mereka menjadi "Robin Hood" Melayu dengan merompak harta benda penduduk kampung yang mewah di Kampung Malang Melintang.. Mereka juga bertindak mencolek anak gadis Penghulu Mukmin dan meminta wang tebusan sebanyak \$500/, untuk pembebasannya.

Hanya setelah berlaku rompakan dan pencolekan, baharulah pehak-pehak yang selama ini hidup bersenang-senang, menjadi risau tidak menentu. Takut-takut harta benda mereka menjadi mangsa rompakan. Penghulu Mukim terus risau dengan kehilangan anak gadisnya. Haji Salam kehilangan barang-barang kemas. Maruah Merinyu Musa dan maruah Ungku Yahaya turut tercabur, bila kegiatan perompakan terus bermaharajalela. Rupa-rupanya di zaman susah, ramai yang sanggup bertindak diluar garsi kemanusiaan, bila keadaan mendesak.

Setelah anak gadis Penghulu Mukmin, bernama Siti Hajar dibawa ke tempat persembunyian Salleh Betawi, ia turut meroboh masing depan pemuda berdarah perjuangan ini. Rupa-rupanya Salleh Betawi mulai jatuh hati kepada anak gadis yang dicoleknya itu. Demikian juga dengan anak gadis itu, ia turut menyanyangi Salleh Betawi. Dari perasaan kasih sayang yang terjalin antara mereka, Salleh mulai insaf tindakan salahnya. Niat untuk kembali ke pangkuhan masyarakat tercapai, bila teman-temannya di tawan oleh Merinyu Musa.

Salleh dan teman-temannya kemudianya didakwa dimahkamah.

Tanpa ragu-ragu, ia menceritakan kenapa ia terpaksa melakukan kerja yang menggugat masyarakat itu. Oleh kerana kejujuran mengakui kesalahannya, pihak pemerintah Johor memberikan pengampunan kepada mereka. Bagitu juga pihak kerajaan menyedari bahawa tindakan Salleh dan teman-temannya kerana ketiadaan pekerjaan yang boleh dijalankan, lalu diberikan keizinan meneroka tanah seluas lima ratus ekar. Dengan pemberian tanah tersebut itu, telah merubah corak hidup kumpulan yang dianggap perosak masyarakat. Salleh Betawi hidup bahagia bersama dengan Siti Hajar dan dilantik sebagai ketua kampung diperkampungan yang baharu dibuka itu.

Melalui novel ini kita melihat tentang dan kritikan pengarang terhadap golongan yang tidak bagitu memperdulikan nasib golongan yang tidak berada. Baik golongan birokrasi maupun golongan bangsawan, bagi pengarang ini, mereka hendaklah memberikan bimbingan dan sumbangan ke arah memperbaiki masa depan golongan ini.

Di dalam novel berikutnya, Abdullah Sidek memperlihatkan bagaimana besarnya pengaruh kekuasaan wang ringgit ke atas hidup manusia. Dengan wang yang dimiliki, golongan berada tanpa silu-silu menggunakan untuk memuaskan keinginan diri semata-mata. Tanpa memikirkan samada ia merosakkan rumahtangga orang lain ataupun menggelapkan masa depan seorang insan yang tidak berdosa.

Melalui novel Hikayat Siapakah Pembunuhanya (1937)¹⁹,

Abdullah Sidek mengemukakan penceritaannya secara cerita mata-mata gelap, kisah kecurangan seorang birokrasi yang berharta dan berpangkat, bertindak hanya menurut hawa nafsu dengan menggunakan kekayaan. Encik Hasnan merupakan nama seorang pegawai di sebuah pejabat di Johor Bharu, ia pada zahirnya seorang ternama dan dihormati. Tapi di sebalik jawatannya, Encik Hasnan merupakan manusia Iblis yang bertopengkan pangkat dan wang ringgit pada masa mudanya.

Oleh kerana terlalu berahikan seorang perempuan yang sudah bersuami, Hasnan dengan kekuasaan wang ringgitnya berjaya menjadikan seorang perempuan tua bernama Mak Yam, sebagai orang harapannya untuk memujuk seorang isteri bermainan cinta dengannya. Akhirnya kelakuan isteri yang curang bernama Aminah, diketahui juga oleh suaminya. Dengan kekuasaan wang ringgit, ia kemudiannya mengupah seorang pekerja ladangnya, bernama Shamsuddin, untuk membunuh Abdul Karim iaitu suami kepada buahhatinya. Cita-citanya tercapai. Ia kemudiannya berkahwin dengan Aminah selepas perempuan itu habis edahnya.

Sesuatu kecurangan itu, pasti jua akan diketahui orang. Demikian juga berlaku pada perbuatan Hasnan dan Aminah. Hasil perbuatan sumbang mereka, telah melahirkan seorang anak lelaki. Oleh sebab hendak mengelak dari perasaan malu, mereka lalu meninggalkan bayi itu di sebuah ladang getah. Tidak berapa lama berada di situ

¹⁹ Abdullah Sidek, Hikayat Siapakah Pembunuhanya, Muar: Muhammadiyah Press, 1937.

bayi ini kemudiannya dijumpai oleh seorang lelaki, lalu diambilnya. Bayi itu diberikan nama Ahmad Abdul Karim Abdul Wahid.

Anak yang tidak berdosa ini, kemudian dipeliharaan oleh suami isteri yang tidak mempunyai anak. Ia kemudian disekolahkan di sekolah Inggeris hingga Darjah Lima. Ketika bapa angkatnya meninggal dunia, orang tuan itu meninggalkan suatu surat wasiat. Di dalamnya menceritakan asal usul dan siapa bapanya yang sebenar. Kini bayi bernama Ahmad Abdul Karim Abdul Wahid, bekerja sebagai mata-mata gelap di Singapura berusaha mencari orang yang membunuh bapanya dan menyebabkan hidup terumbang-ambing.

Setelah berjaya menghapuskan pembunuhan bapanya dengan cara yang mengelirukan pehak Merinyu Adnan, Ahmad kemudiannya kembali ke Singapura. Dari sanalah ia menulis surat kepada Merinyu Adnan dan Merinyu Mohd Kasim memberitahu siapakah sebenarnya 'pembela' yang berjaya membunuh Encik Hasnan dan Sulaiman. Ketika Merinyu Mohd Kasim dan seorang sarjan pergi ke bilik Ahmad, didapati pemuda yang bertindak membela kematian bapanya telah mati membunuh diri.

Melalui novel ini, pengarangnya cuba memperlihatkan keazaman seorang anak yang mahu menuntut bela kematian bapanya yang dibunuh dengan kejamnya oleh mereka yang mempunyai kekuasaan dan wang. Encik Hasnan merupakan golongan birikrasi yang berlindung di sebalik kekayaannya, bertindak untuk memenuhi keinginan seksnya. Walaupun Ahmad Abdul Karim berjaya membunuh orang yang membunuh bapanya, tetapi tindakannya membuat perhitungan dan hukumannya sendiri dengan membunuh kedua-dua musuhnya, adalah dilarang oleh Islam.

Jadi pengarang ini melihat, perlakuan Ahmad sendiri bukan sahaja dari segi undang-undang dunia, tetapi juga peraturan yang ditetapkan ajaran Islam. Maka tindakannya menamatkan riwayat hidupnya dengan membunuh diri, adalah setimpal jua dengan perlakunya yang salah itu.

Bagitulah gambaran pengarang ini tentang kerendahan moral golongan berada didalam hidup bermasyarakat. Mereka bukan sahaja tidak mahu memperdulikan nasib golongan yang tidak bermasib baik, Tapi mereka juga merupakan golongan penindas yang tidak berperikemanusiaan. Jadi balasan yang diterima oleh mereka, adalah setimpal dengan ketidakpedulian dan penindasan terhadap golongan yang tidak berada.

Di dalam sebuah novelnya yang lain, Abdullah Sidek memberikan simpati yang tinggi kepada golongan hartawan. Sifat kebaikan yang ditunjukkan di dalam novel Hikayat Pengaruh Wang (1939)²⁰, memperlihatkan penghargaan pengarang kepada sumbangan golongan berada. Melalui novel ini, pengarangnya cuba mendedahkan kesabaran seorang anak muda miskin bernama Ibrahim yang tinggal bersama ibunya yang sudah tua. Sejak kematian bapanya, Ibrahim menolong ibunya dengan menjual kueh. Berkat sabar, cermat dan tekun, Ibrahim berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris. Bila tamat "Junior Cambridge", Ibrahim diterima bekerja sebagai kerani disebuah pejabat.

²⁰ Abdullah Sidek, Hikayat Pengaruh Wang, Muar:

Kegembiraan bekerja tidak lama berlalu. Kerana sifat betul bendulnya, diambil kesempatan oleh majikannya untuk menuduh Ibrahim menggelapkan wang pejabat sebanyak \$2,000/. Kerana mempercayai sikap jujurnya boleh menyelamatkan diri dari terkena tuduhan di mahkamah, ia tidak menempah mana-mana peguam untuk membela dirinya. Ibrahim kemudiannya didapati bersalah dan di penjarakan. Tapi Ibrahim tidak lama berada dipenjara, kerana majikannya yang memakai wang pejabat mengaku tentang kesalahannya. Ibrahim kemudian dibebasikan.

Dengan semangat ingin mengubah corak hidup di kota, Ibrahim kemudiannya pergi ke Singapura. Oleh sukaranya mendapatkan kerja, wang simpanan yang dibawanya telah habis. Ia cuba mendapatkan bantuan dari teman-temannya sewaktu sama-sama bertugas dahulu. Tidak ada yang sedia membantu. Tapi mujurlah dengan kawan yang pernah mengalami pahit maung hidup, sahabatnya bernama Abdul Rahman dengan ikhlas hati mengirimkan wang sebanyak \$400/. Dapatlah Ibrahim melangsankai hutang makan di kedai Haji Ali.

Kehidupan Ibrahim mulai cerah setelah seorang harta wan muda dari Betawi, menolongnya. Ibrahim dilantik menguruskan perniagaan saudagar Rosli di Singapura dan akhirnya bertukar menjadi seorang anakmuda yang berjaya dilapangan perniagaan berkat asuhan dan bimbingan saudagar Rosli. Kerana memiliki kekayaan, Ibrahim kemudiannya mengenali pahit maung hidup dan bergaul dengan golongan berada. Baharulah ia menyedari betapa besarnya pengaruh wang didalam mengubah kedudukan seseorang itu di dalam masyarakat.

Ibrahim sekarang ini bukan sahaja lagi sebagai pengurus perniagaan yang berjaya tetapi juga namanya mulai dikenal oleh segala lapisan masyarakat. Ini memberikan kesempatan ia berkenalan-kenalan dengan seorang kaya lain yang berasal dari Indonesia bernama Agus Ali. Kerana memiliki kekayaan, lamaran Ibrahim terhadap anak-anak gadis Agus Ali diterima dengan senang hati.

Dari novel yang mengemukakan masalah sosial, pengarangnya memperlihatkan sikap dan amalan golongan hidup mewah dengan golongan yang tiada berhak milik. Keborosan golongan berada dipaparkan oleh pengarang ini melalui keborosan dan pembaziran mereka khususnya dibidang perjudian. Bagi golongan mewah, sebahagian hidup dan wang ringgit mereka, lebih banyak mengalir ke bahagian yang tidak bermanfaat.

Melalui watak bernama Rosli, pengarangnya cuba memperlihatkan kebaikan segelintir golongan hartawan terhadap golongan tidak berada. Kerana meletakkan kepercayaan yang betul terhadap orang yang boleh bekerja, Saudagar Rosli tidak bagitu bimbang dengan perniagaannya di Singapura. Ibrahim seorang pemuda miskin yang memiliki sifat jujur, amanah, tekun bekerja dan akhir sekali kerana memiliki pengetahuan, akhirnya kehidupannya berubah samasekali.

Dari ketiga-tiga novel yang mengemukakan persoalan mengenai masalah sosial, kita melihat Abdullah Sidek terlalu menekankan ke arah penglibatan berbagai pihak yang terdapat di dalam masyarakat Melayu terutama golongan yang berada, sebagai punca menstabilkan corak kehidupan yang tidak sempurna. Pihak-pihak yang berwibawa seperti birokrasi, golongan bangsawan dan golongan hartawan, mestilah memberikan sumbangan positif ke arah memperbaiki corak kehidupan masyarakat Melayu.

4.3. EKONOMI

Selain daripada tema sosial, tema mengenai ekonomi turut dikemukakan oleh Abdullah Sidek. Tema ini dikemukakan oleh beliau sebagai saranan yang boleh menimbulkan kesedaran orang-orang Melayu, tentang perlunya penglibatan mereka di bidang ekonomi. Selama ini, orang Melayu hanya terlibat di sektor ekonomi yang tidak menguntungkan kerana tidak teraturnya pengurusan sesuatu usaha pembangunan.

Ketinggalan orang Melayu di bidang ekonomi adalah akibat penindasan kapitalis Barat dan juga pembolotan ekonomi oleh orang-orang asing. Kedatangan penjajah dan sikap yang diperlihatkan terhadap orang Melayu, tidak menggalakkan perkembangan ekonomi orang Melayu. Gesaan tanpa bantuan apa-apa, menjadikan orang-orang Melayu giat di bidang pertanian secara kecil-kecilan, dan menjadikan mereka pekerja yang tidak produktif.

Melalui dasar "pecah dan perintah", Inggeris berjaya mengurangkan sikap untuk bekerjasama dan bergotong royong melaksanakan sesuatu pekerjaan. Pengwujudan jawatan seperti peon, pelayan pejabat, kerana, guru, polis dan lain kerja 'makan gaji' dengan kerajaan, secara beransur-ansur menimbulkan sifat individualistik. Dengan demikian, mengurang minat ke arah bekerjasama.

Begitu juga kemasukan orang asing melalui dasar "pintu terbuka", merupakan ancaman langsung perkembangan ekonomi orang Melayu. Kedatangan orang asing, dan pembelotankekayaan melalui bidang perniagaan dan pertanian yang lebih menguntungkan, menjadikan mereka lebih terkehadapan dibidang ekonomi.

Dalam situasi seperti ini, Abdullah Sidek tidak menyalah bulat-bulat kepada penjajah dan orang asing sahaja, yang menyebabkan ketinggalan orang-orang Melayu dibidang ekonomi. Bagi pengarang ini, ketinggalan orang Melayu di bidang ekonomi adalah disebabkan sikap orang-orang Melayu sendiri. Samada yang menjadi pemimpinnya mahupun orang biasa, mereka turut bertanggungjawab menjadikan orang Melayu ketinggalan di sektor ekonomi.

Persoalan bagaimana orang-orang Melayu mempertingkatkan pembangunan ekonomi di kemukakan oleh Abdullah Sidek di dalam dua buah novelnya. Di dalam Mari Kita Berjuang (1944)²¹, beliau mengemukakan cara penyelesaian kepada masalah pengangguran dikalangan belia yang baru meninggalkan bangku persekolahan, melalui usaha pembukaan tanah secara berkelompok. Manakala di dalam Membina Kehidupan (1949)²², Abdullah menolak samasekali bekerja makan gaji sebagai satu cara bekerja untuk pemuda yang baru meninggalkan bangku persekolahan. Sebaliknya ia menumpukan perhatian ke arah bekerja sendiri, sebagai suatu usaha menyarai hidup bekeluarga.

Jaafar anak seorang hartawan di Muar, merupakan seorang terpelajar mempunyai kesedaran yang cukup tinggi untuk merubahkan nasibnya dengan tidak mengharapkan bekerja makan gaji. Jaafar

²¹

Abdullah Sidek, Mari Kita Berjuang, Muar: Muhammadiyah Press, 1941.

²²

Abdullah Sidek, Membina Kehidupan, Johor Bahru: Annies Printing Works, 1949.

dengan kelulusan 'Senior Cambridge' dan tiga tahun belajar di Mesir, ia hanya ditawarkan sebagai 'posmen' bila ia memohon untuk bekerja dengan Kerajaan. Kecewa dengan kesukaran mendapat pekerjaan, ia mengumpul para pemuda yang senasib dengannya, untuk meneroka kawasan hutan bagi dijadikan kawasan pertanian. Dengan sokongan Wan Abdul Rahman yang lulus dari Sekolah Pertukangan Johor Bahru dan Ungku Ali lulusan Sekolah Tanaman Serdang, Jaafar menjalankan langkah-langkah ke arah penerokaan tanah seperti dirancangkannya.

Setelah mengumpul wang melalui pertunjukan amal dengan persembahan cerita "Laksamana Seri Maharaja Mati Terbunuh" dan mendapat kebenaran ibubapa masing-masing, serta keizinan dari Pesuruhjaya tanah Muar, 'tiga serangkai' dan kumpulan seramai lima puluh orang pemuda, memulakan penerokaan tanah seluar hampir dua ratus ekar. Oleh kerana adanya sikap mahu berganding bahu dan saling bekerjasama, para pemuda pelopor ini, berusaha menukar wajah sebuah kawasan hutan menjadi kawasan persawahan.

Melalui pimpinan Jaafar dan dibantu oleh Wan Abd. Rahman dan Ungku Ali, mereka mengatur pembahagian kerja bagi tiap anggota kumpulan peneroka. Dengan cara ini segala tanggungjawab dapat dijalankan dengan jayanya. Adanya ilmu pengetahuan pada para pemuda ini, membolehkan mereka tidak sahaja menumpukan kepada usaha pertanian sahaja. Kerja sampingan seperti membuat kayu arang, membelah kayu api ataupun menanam sayur-sayuran, dapat juga menampung perbelanjaan sebelum kawasan yang diteroka benar-benar mendatangkan hasil.

Oleh sebab kata sepakat telah didapati lebih awal, kerjasama bagi pembukaan tanah dapat berjalan dengan lancarnya. Kemudian melalui usaha bekerjasama, mereka menubuhkan pula "Syarikat PKDP" bagi meneroka bidang perniagaan. Jika peringkat awal mereka berjual kayu api, kayu arang dan sayur-sayuran dan lain-lain hasil tanaman di ladang mereka, kini para peneroka muda, mengalih pula perhatian ke bidang perniagaan yang lebih besar. Mereka membuka kedai pakaian di Batu Pahat dan kedai barang keperluan di Muar.

Atas kesedaran perlunya sokongan masyarakat kearah memajukan perniagaan, pemimpin tiga serangkai menghubungi semua lapisan masyarakat untuk mendapat sokongan pembelian barang-barang di kedai mereka. Dan golongan yang mempunyai kesedaran untuk menyokong perniagaan orang Melayu seperti pihak Pentadbir Pasukan bersenjata, guru besar dan ketua-ketua pejabat, tanpa ragu-ragu memberikan sokongan mereka. Bagitu juga sokongan para pembesar dan pemerintah sendiri, telah menjadikan usaha berdikari para pemuda seramai lima puluh orang membuaikan hasil seperti mana yang dikehendaki.

Dari novel ini, kita melihat betapa jauhnya pandangan pengarang terhadap usaha membangunkan ekonomi orang Melayu. Melalui watak Jaafar, Abdullah Sidek bagitu optimis dapat menyelesaikan masalah mempertingkatkan pembinaan ekonomi orang Melayu melalui para pemuda golongan terpelajar.

Sikap optimisnya itu dapat dilihat dari apa yang disampaikan oleh Jaafar di dalam ucapannya yang antara lain;

"Kalau sekiranya kita anak muda hari ini tidak segera berikhtiar membangkitkan Semangat Berjuang! pusaka dari datuk nenek keturunan kita yang terpuji, harus sepuluh tahun, lima belas tahun lagi sedikit demi sedikit hapus, dan terus hapus sekali, pada ketika itu jadilah gerangan kaum bangsa kita suatu bangsa yang rendah darjatnya dan lemah iktisad atas serba serbinya.
(hal.11)

Apa yang cuba ditonjolkan oleh Abdullah Sidek dari novel yang mengemukakan tema ekonomi ini ialah dalam memajukan ekonomi orang Melayu, sokongan dari semua pihak adalah sangat diperlukan. Sikap para pegawai kerajaan, golongan hartawan, mahupun bangsawan, para pemuda dan semua masyarakat Melayu mestilah mempunyai sikap untuk memajukan orang Melayu. Selain dari itu, amalan bekerjasama dan bergotong yang menjadi sebahagian amalan hidup masyarakat Melayu, mestilah digunakan sebaik-baiknya untuk memajukan bidang tertentu. Amalan yang tergugat, akibat pengaruh ekonomi bebas para kapitalis, perlu ditegakkan kembali. Dengan ini jurang perbedaan ekonomi orang Melayu dengan bangsa asing dapat dikurangkan sedikit.

Selain dari itu, langkah membuka kawasan hutan bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia, merupakan satu pandangan jauh ke hadapan dilakukan pengarang ini. Membaca novel Mari Kita Berjuang, kita terasa betapa terkehadapan idea Abdullah Sidek mengemukakan penyelesaian masalah sosial orang Melayu.

Rancangan Perkampungan "Kampung PKDP"²³, terasa semacam suatu rancangan tanah yang dijalankan oleh pihak kerajaan maksakini. Pembukaan tanah bagi tujuan mengatasi pengangguran, terutama golongan belianya, merupakan langkah yang praktikal sekali. Pembukaan tanah yang diawasi dengan betul, diusahakan oleh mereka yang berminat, akan menelurkan hasil seperti yang diharapkan.

Nada yang hampir sama dengan novel Mari Kita Berjuang terdapat juga di dalam novel Membina Kehidupan. Sekali lagi Abdullah Sidek menggunakan isu berbudi kepada tanah sebagai satu cara membina kehidupan yang bahagia. Melalui watak pemuda bernama Sabar, beliau cuba menonjolkan bagaimana perdampingan dengan tanah secara bersungguh-sungguh, pasti mendatangkan hasil yang lumayan juga. Dari keyakinan bahawa usaha bertani pun merupakan juga suatu pekerjaan, menyebabkan pemuda yang bernama Sabar tidak bagitu kecewa bila ia tidak terpilih menjadi guru pelatih.

Kerana memiliki azam yang teguh mahu berbudi kepada tanah, selepas tamat persekolahan rendahnya yang juga membolehkannya bekerja 'makan gaji' dengan kerajaan, Sabar terus menyatakan hasratnya mahu menjalankan usaha bercucuk tanam di atas sekeping tanah kepunyaan datuk penghulu. Sikapnya tidak mahu bekerja dengan kerajaan itu, sungguh mendukacitakan ibunya yang bagitu mengharapkan anak lelakinya bekerja 'makan gaji'.

²³ Kampung PKDP adalah nama yang diberikan kepada kampung yang dibuka oleh Jaafar dan temannya, PKDP adalah bererti "Perjuangan Kita Dengan Penghidupan."

Di samping usaha bertani dengan menanam berbagai jenis sayur-sayuran, ubi, pisang dan lain-lain, Sabar juga membuat kerja sambilan yang ditawarkan oleh guru besar di sekolah tempat ia belajar dahulu. Ia menjadi tukang gunting rambut murid-murid di sekolahnya.

Keyakinan kepada usahanya akan mendatangkan hasil, membuatkan ia bersungguh-sungguh melaksanakannya. Dan usaha itu memang mendatangkan hasil. Ia bukan sahaja dapat menyara kehidupan mereka dua beranak, tapi juga berjaya memikat anak gadis kerana bersara bernama Sabariah jatuh hati kepadanya. Sabar bagitu yakin, bekerja sendiri pun boleh menjaminkan masa depannya. Dari keyakinan inilah ia kemudiannya menyuruh ibunya melamar Sabariah. Oleh kerana ia telah mempunyai jaminan hidup, peminangannya dengan senang hati diterima oleh ibubapa Sabariah.

Setelah berkahwin, Sabar meneruskan usahanya dengan lebih giat lagi. Sabariah isterinya yang bukan gadis mata duitan, turut membantu membina hidup mereka dengan penuh keyakinan. Akhirnya pasangan ini berjaya memiliki sekeping tanah dan sebuah, hasil berjimat cermat dari usaha pertanian dan kerja sampingan yang dibuat oleh Sabar. Dan hiduplah anak desa ini dengan penuh keriangan di samping isteri tersayang.

Demikianlah perhatian fokus pengarang ini terhadap usaha bekerja sendiri sebagai suatu pekerjaan yang mulia. Beliau menolak cara bekerja makan gaji dengan kerajaan sebagai suatu usaha yang patut dibanggakan. Ini jelas dari kritik beliau terhadap golongan ini.

Bagi mereka ini, Abdullah melihat corak hidup yang dilalui oleh mereka, agak kepura-puraan dari realiti hidup yang sebenarnya. Pekerjaan makan gaji, lebih banyak membawa kemusnahan nilai-nilai hidup. Cuba kita perhatikan sindirannya terhadap golongan tersebut;

"Kebanyakkan kaum bergaji itu hanya melibatkan melebihi lagaknya dan menurut nafsu syahawatnya. Hidup mereka sungguh royal dan berstail tetapi keadaan hidupnya berasalek dengan berhutang kerada Benggali kepada Ceti, kepada Bombay dan sebagainya. Pada zahirnya sahaja hidup mereka bahagia tetapi sebaliknya rupa kebahagian itu ternganga jurang yang akan menjatuhkan bahtera hidup mereka. (hal.2)

Dari kedua-dua novel yang mengemukakan persoalan mengenai pembinaan ekonomi orang Melayu, Abdullah Sidek bagitu yakin, orang-orang Melayu boleh maju di bidang tersebut. Syaratnya lah mereka mestilah menyingkirkan tabiat boros, cepat merasa puas dengan kejayaan yang sedikit, berserah kepada nasib tanpa mahu berusaha, terlalu mengharapkan kerja makan gaji serta mestilah bekerjasama untuk mengubah keadaan ini. Amalan bertongtong, yang menjadi sebahagian hidup orang Melayu, mestilah digembeling kembali. Bagitu juga dengan sikap seluruh masyarakat Melayu, mestilah mengubah sikap untuk membantu orang Melayu. Dengan ini baharulah ketinggalan orang-orang Melayu, dapat diatasi sedikit demi sedikit.

BAB KELIMAKESIMPULAN

Setelah meneliti novel-novel yang dihasilkan oleh Abdullah Sidek dari tahun 1931 hingga tahun 1950 dari sudut tema, ternyata beberapa kemajuan tercapai jika dibandingkan dengan beberapa buah novel-novelnya yang dihasilkan pada perintkat awal. Ini semakin jelas dari novel-novel yang dihasilkannya di dalam tahun empat puluhan, menampakkan pertambahan dari segi persoalan dimana ia mengemukakan juga persoalan ekonomi. Disamping itu, tema mengenai moral dan sosial masih merupakan tema yang paling banyak dikemukakan. Kecenderungan ini mudah dimengertikan kerana usia novel itu sendiri masih muda benar ketika Abdullah Sidek melibatkan dirinya dibidang ini.

Novel menjadi media sastera yang agak digemari oleh masyarakat Melayu, muncul bila Syed Sheikh al-Hadi memperkenalkan bentuk novel kepada masyarakat Melayu.¹ Media ini kemudiannya menjadi bidang untuk menampung segala gagasan tentang kehidupan masyarakat Melayu. Setelah lahir Hikayat Faridah Hanum, Kawan Benar dan Iakah Salmah, novel menjadi satu alat pengucapan para pengarang untuk mengemukakan berbagai persoalan hidup masyarakat Melayu dengan lebih luas dan lega. Dari struktur dan

¹Za'ba, "Modern Developments" dlm. R.O. Winstedt., "History of Malay Literature" JMBRAS, Vol.XVIII, Pt.III, Januari 1940, hal.142-162.

bentuknya lebih panjang dari cerpen, memberikan kesempatan yang lebih luas kepada para pengarang mengemukakan berbagai persoalan di dalam media yang baru ini.

Menyedari novel boleh mengemukakan berbagai persoalan mengenai kehidupan masyarakatnya, Abdullah Sidek mempergunakan media ini dengan seluas-luasnya. Keadaan masyarakat Melayu ketika itu yang ketinggalan di dalam berbagai bidang, menjadi perhatian pengarang ini. Keadaan moral masyarakat yang terjejas dengan pengaruh pemodenan Barat, kongkongan adat lama di dalam kehidupan bermasyarakat, penguasaan ekonomi oleh golongan asing khususnya Cina dan golongan EKK dan DKA, merupakan gejala yang menjadi masalah masyarakat Melayu ditahun-tahun sebelum perang. Hal ini berlanjut lagi dalam tahun tahun empat puluhan. Keadaan inilah yang akan dipaparkan oleh Abdullah Sidek didalam beberapa buah novelnya, desa dengan anak gadis atau pemuda desa yang teguh imannya, dipaparkan di dalam beberapa buah novel beliau. Pengemukaan tema moral bagi pengarang ini bertujuan mempertingkatkan akhlak muda-mudi Melayu seluruhnya.

Persoalan mengenai sosial mencakupi aspek yang lebih luas mengenai kehidupan masyarakat Melayu seluruhnya. Perbicaraan mengenai sosial antara lain bertujuan mempertingkatkan kesedaran untuk membentuk suatu masyarakat yang bersatupadu, hidup bahagia harmoni dan saling mengerti antara anggota masyarakat. Persoalan mengenai sosial dilihat didalam konteks kebebasan sosial dan masalah sosial yang berlaku di dalam masyarakat Melayu, yang mempunyai implikasi kepada masa depan masyarakat Melayu seluruhnya.

Di dalam masalah kebebasan sosial, tiga persoalan penting yang sering dikemukakan oleh pengarang ini. Ianya meliputi galakan kepada cinta muda-mudi sebelum berkahwin, penentangan terhadap kahwin paksa serta mendapatkan kerukunan berumahtangga. Percintaan muda-mudi sebelum berkahwin, bagi pengarang ini, merupakan suatu perlakuan yang perlu digalakkan. Berkenal-kenal terlebih dahulu, membolehkan gadis atau teruna mengenali pasangan masing-masing sebelum berkahwin. Melalui kenal mengenal lebih dahulu, dapat mengenepikan kebangaan status hidup keluarga, dengan ini kerjasama dan persefahaman didalam sesebuah rumahtangga akan terjelma.

Masalah kahwin paksa merupakan penghalang untuk mendapatkan kebahagiaan hidup berumahtangga. Kebanyakan pengarang melihat perlakuan ini, amat bertentangan dengan keinginan semula jadi semula jadi manusia. Perkara ini samada menjadi punca utama percerian atau pun punca kepada perlakuan yang lebih tragik, tidak mendapat penghargaan langsung oleh pengarang ini. Adat ini semata-mata buruk sahaja sifatnya. Dengan sebab itu ia mesti ditentang berhabishabisan.

Di dalam mengemukakan berbagai persoalan mengenai kehidupan masyarakat Melayu, Abdullah Sidek tidak dapat membebaskan dirinya dari terpengaruh dengan cara penceritaan sastera lama, pengaruh novel-novel Melayu yang ada ketika itu dan juga pengaruh novel-novel Indonesia. Pengaruh sastera lama terutama bentuk hikayat jelas dari

struktur penceritaan, sesebuah cerita yang dipaparkan. Bahkan, perkataan 'hikayat' diletakkan di awal judul novel-novel yang dihasilkan olehnya.

Bagitu juga kita dapati, pengaruh Hikayat Faridah Hanum yang mengemukakan soal emansipasi wanita, mempengaruhi pengarang ini melahirkan pula watak Ustazah Zaharah di dalam novel Doktor Zahari atau watak Badariah di dalam novel Kerana Kongres. Demikian juga pengaruh novel-novel Indonesia zaman Balai Pustaka mempengaruhi pula pengarang ini menghasilkan novel Gara-Gara Kahwin Paksa, Nasib Hasnah, Kerana Dia dan lain-lain.

Setelah meneliti tema-tema yang dipaparkan oleh Abdullah Sidek di dalam beberapa buah novel yang dihasilkannya, jelas menunjukkan tema-tema yang memperlihatkan sifat-sifat kemanusiaan individu lebih banyak ditonjolkan sebagai tema, di samping tema kemasyarakatan. Kenapa berlaku demikian, perlulah kita melihat pertumbuhan novel itu sendiri di dalam sastera Melayu. Sejak 'genre' ini diperkenalkan dalam sastera Melayu moden pada tahun 1920an, tema-tema yang sering dikemukakan kebanyakan berlebar di sekeliling persoalan individu. Corak ini turut mempengaruhi pengarang ini.

Persoalan mengenai moral dan sosial yang dihubungkan dengan kehidupan orang-orang Melayu, paling banyak dikemukakan oleh Abdullah Sidek. Persoalan mengenai moral menjadi fokus penting kerana adanya pertembongan budaya Melayu dengan budaya 'Barat', telah mempengaruhi corak hidup dan 'world-view' masyarakat Melayu.

Dari keseluruhan penglibatan Abdullah Sidek, dibidang penulisan novel, dapat kita melihat tahap-tahap peningkatan persoalan yang dikemukakan di dalam beberapa buah novelnya. Biarpun novel-novel itu kebanyakannya dikatakan mengemukakan persoalan sosial dan moral agak lebih meluas, namun bagitu novelnya Mari Kita Berjuang dan juga Membina Kehidupan, merupakan dua buah novel yang mengemukakan cara penyelesaian masalah pengangguran dan juga cara mempertingkatkan kemajuan ekonomi orang Melayu. Melalui pembukaan tanah, secara bergotong royong, bermiaga dengan cara bersyarikat serta menumpukan sepenuh perhatian kearah pertanian merupakan langkah-langkah mempertingkatkan kemajuan ekonomi orang Melayu. Dengan ini, sumbangan Abdullah Sidek kearah memajukan orang Melayu melalui media sastera, tidak dapat dinafikan ada sumbangannya. Manakala di bidang kesusastraan sendiri, beliau mengukuhkan lagi dengan meninggalkan sejumlah karya sastera untuk kita semua.

BIBLIOGRAFI

Buku Teks:

- Abu Bakar Hamid (ed.) Diskusi Sastera, Jilid II, Kuala Lumpur; Bahasa dan Pustaka, 1975.
- Ali Haji Ahmad, Asas Menganalisa Cereka, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.
- Annas Ahmad, Sastera Melayu Baru, Pulau Pinang: Sastera Sinaran Berhad, 1964.
- A. Samad Ismail, Mengasah Bakar, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1966.
- Amat Johari Moain, Sejarah Nasionalisma Maphilindo, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1969.
- Baharuddin Zainal, Safian Husain, Sarah Sadon, dan A.M. Thani, Wajah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Danziger, Marlies, K. and W. Stacy Johnson, An Introduction To Literary Criticism, Boston: D.C. Heath and Co: 1967.
- Forster, E.M., Aspek-Aspek Novel, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Hashim Awang, Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.
- "Fiksyen Melayu Diantara Tahun-tahun 1925-1941: Satu Tinjauan Sejarah Sosial Masyarakat Peribumi, Sebelum Perang Dunia II", Malaysia: Sejarah Proses Pembangunan, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia 1979.
- H.B. Jassin, Tipa Penyair dan Daerahnya, Jakarta: Gunung Agung, 1975.
- Hamzah Hussain, Pertubuhan Novel-Novel Melayu, Singapura: Pustaka Malaysia, 1962.
- Ibrahim Saad, Pendidikan dan Politik di Malaysia, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.
- Ilias Haji Zaidi, Kesusasteraan Melayu Moden, Jilid I: Novel, Kuala Lumpur; Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981.

BIBLIOGRAFI

Buku Teks:

Abu Bakar Hamid (ed.) Diskusi Sastera, Jilid II, Kuala Lumpur; Bahasa dan Pustaka, 1975.

Ali Haji Ahmad, Asas Menganalisa Cereka, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.

Annas Ahmad, Sastera Melayu Baru, Pulau Pinang: Sastera Sinaran Berhad, 1964.

A. Samad Ismail, Mengasah Bakar, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1966.

Amat Johari Moain, Sejarah Nasionalisma Maphilindo, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1969.

Baharuddin Zainal, Safian Husain, Sarah Sadon, dan A.M. Thani, Wajah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

Danziger, Marlies, K. and W. Stacy Johnson, An Introduction To Literary Criticism, Boston: D.C. Heath and Co: 1967.

Forster, E.M., Aspek-Aspek Novel, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Hashim Awang, Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

——— "Fiksyen Melayu Diantara Tahun-tahun 1925-1941: Satu Tinjauan Sejarah Sosial Masyarakat Peribumi, Sebelum Perang Dunia II", Malaysia: Sejarah Proses Pembangunan, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia 1979.

H.B. Jassin, Tipe Penyair dan Daerahnya, Jakarta: Gunung Agung, 1975.

Hamzah Hussain, Pertubuhan Novel-Novel Melayu, Singapura: Pustaka Malaysia, 1962.

Ibrahim Saad, Pendidikan dan Politik di Malaysia, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.

Ilias Haji Zaidi, Kesusasteraan Melayu Modern, Jilid I: Novel, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981.

Jihati Abadi, Azran Abdul Rahman dan Amida Abdul Hamid, Sejarah Kesusastraan Melayu - Indonesia; Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd., 1979.

Li Chuan Siu, Ikhtisar Sejarah Kesusastraan Melayu Baru 1830 - 1945, Kuala Lumpur; Pustaka Antara, 1966.

——— Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusastraan Melayu Modern 1945 - 1965, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1967.

Mohd Taib Osman, An Intruduction to the Development of Modern Malay Langguage and Literature, Singapura: Eastern Universities Press Ltd., 1961.

Muir, Edwins, The Structure of the Novel, London: The Hogarth Press Ltd., 1957.

Roff, William R., The Origins Of Malay Nastionalism, Kuala Lumpur; University Of Malay Press, 1967.

Shahrom Husain, Antara Pengarang-Pengarang Novel Melayu, Dan Karyanya, Singapura: Pustaka Melayu, 1963.

Shahnon Ahmad, Gubahan Novel, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.

Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaafar, Sejarah Kesusastraan Melayu Jilid I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

Tan Ding Eing, Sejarah Malaysia dan Singapura, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1975.

Usman Awang dan A. Samad Said, Tema dan Tugas Sastera Melayu Modern, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal, 1963.

Yahaya Ismail, Mengkaji Fiksyen, Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional, 1967.

——— Sejarah Sastera Melayu Modern, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1976.

——— Satu Kajian Mengenai Karva-karya Ahmad Rashid Talu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.

Makalah-makalah:

- Abu Bakar Hamid, "Beberapa Catatan Mengenai Kesusasteraan Melayu Dari Sudut Pertubuhan Masyarakatnya", Dewan Bahasa, September, 1967.
- "Bibliografi Novel-novel Melayu 1925-1942", Nusantara, Bil.2, Julai, 1972.
- "Arah Perkembangan Kesusasteraan Melayu", dalam Kertaskerja Seminar Kesusasteraan Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- Abd. Rahman Embong, "Intlegensi Melayu Sebelum Perang Dalam Hubungan Dengan Perkembangan Sastera Melayu Moden", Dewan Bahasa, Mac. 1968.
- Ali Haji Ahmad, "Cerita Pendek Sebelum Perang", Dewan Bahasa, November, 1961.
- Anwar Riddwan, "Kesusasteraan Dan Masyarakat Satu Pendekatan", dalam Baharuddin Zainal (ed.), Mendekati Kesusasteraan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.
- Hashim Awang, "Cerpen Melayu Sebelum Perang: Satu Pandangan Umum", Dewan Sastera, Oktober, 1972.
- "Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia II; Sejarah Pertubuhan dan Pengkajiannya dilihat Dalam Perspektif Yang Lebih Wajar", Dewan Bahasa, Mac. 1974.
- Kassim Ahmad, "Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden", Bahasa, Jilid 2 Bil. I, Mac. 1959.
- Omar Mohd Hashim, "Perkembangan Cerpen Melayu Sebelum Perang", Dewan Bahasa, Ogos, 1961.
- Pyan Husayn dan Ramli Isin, "Novel-novel Melayu 1925-1973: Satu Senarai Rojokan," Dewan Bahasa, Ogos, 1974.
- Rowland J.R., "Tugas Seorang Penulis", Dewan Sastera, 15 April, 1972.
- Shahnon Ahmad, "Kegiatan Sastera Melayu 'Moden' Masih 'Tradisional'", Dewan Sastera, 15 Mac. 1973.

Shahnon Ahmad, "Peralihan Tema Dalam Cerpen Melayu Modern", Bahasa,
Jilid IX: I, Persekutuan Bahasa Melayu, Universiti Malay,
Kuala Lumpur, 1964-1965.

Yahaya Ismail, "Novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua", Dewan
Bahasa, Oktober, 1963.

Za'ba, "Modern Developments" dalam R.O. Winsdt., "A History Of
Malay Literature", JMBRAS, VOL. XVIII, Pt. III, Januari,
1940.

Latihan Ilmiah/Tesis

Ali Ahmad, Tema Sajak-sajak Melayu 1933-1969, Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

Affandi Haji Gahzali, "Tema Cerpen Norjaya-1965-1975", B.A -
Universiti Sainsa Malaysia, 1975/76.

Abdul Manas Haji Itam, "Putih Mata dan Pucat Bukan Main",
(Antalogi Cerpen-cerpen Awam il Sarkam): Satu Analisa
tentang tema-tema dan Struktur", B.A - Universiti Sains
Malaysia, 1975/77.

Muhammad bin Yusuf, "Tema Cerpen dalam Majallah Al-Hikmah:
Satu Analisa (1934-41), B.A - Universiti Sains Malaysia,
1977/78.

Sapian Hussain, "Hubungan Wira dan Wirawati Dalam Novel-novel
Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua", Tesis M.A - Universiti
Sains Malaysia, 1979/80.

LAMPIRAN I

NOVEL NOVEL YANG TELAH DIHASILKANOLEH ABDULLAH SIDEK


(Disusun Mengikut Tahun)

1. Abdullah Sidek, Hikayat Bercinta Yang Tak Berfaedah,
P. Pinang: C. Debaab, 1931, 2 Bab.(Tebal 218 hal.)
2. ——— Penanggungan Seorang Putera Raja. Muar: Muhammadiyah Press, 1933. 2 Bab.(Tebal 215 hal.)
3. ——— Hikayat Siapakah Pembunuhnya, Muar: Muhammadiyah Press, 1937, (Tebal 140 hal.)
4. ——— Pencuri Yang Licin, Muar: Jamilah Press, 1937,
Tebal. 192 hal.)
5. ——— Di Bawah Roda Penghidupan, Kuala Pilah: Sentosa Store, 1938, (Tebal 83 hal.)
6. ——— Gelombang Hidup, Muar, Jamilah Press, 1938, 2 Bab (Tebal 204 hal.)
7. ——— Manusia Yang Buas, Muar: Jamilah Press, 1939,
(Tebal 130 hal.)
8. ——— Hikayat Pengaruh Wang, Muar: Jamilah Press, 1939
2 Bab. (Tebal 232 hal.)
9. ——— Iblis Rumahtangga, Muar: Jamilah Press, 1939,
(Tebal. 130 hal.)

10. —— Pertemuan Yang Berbahagia, Muar: Jamilah Press, 1939, (Tebal. 119 hal.)
11. —— Nasib Hasnah, Muar: Muhammadiyah Press, 1940, (Tebal 100 hal.)
12. —— Semangat Yang Tercuri, Muar: Muhammadiyah Press, 1940, (Tebal 87 hal.)
13. —— Mari Kita Berjuang, Muar: Muhammadiyah Press, 1941, (Tebal 88 hal.)
14. —— Gadis Hulu Muar, Muar: Muhammadiyah Press, 1941, (Tebal 117 hal.)
15. —— Berjanji di Keretapi, Kuala Pilah: Sentosa Store, 1942, (Tebal 119 hal.)
16. —— Dugaan Hidup, Ipoh: The Malay Press, 1948, (Tebal 76 hal.)
17. —— Kerana Kongres, Johor Baharu: Annies Printing Works, 1948 (Tebal -)
18. —— Doktor Zahari, Kuala Lumpur: Pustaka Antara (Citakan Ketiga), 1966, (Tebal 107 hal.)
(Citakan pertama oleh Anis Printing Work - pada tahun 1948)
19. —— Gara-gara Kahwin Paksa, Johor Baharu: Annies Printing Works, 1948 (Tebal 76 hal.)

20. —— Gadis Dusun Pergi ke Bandar, Johor Baharu,
Annies Printing Works, 1948 (Tebal 65 hal.)
21. —— Tersungkur Di Tengah Masyarakat, Kuala Lumpur,
Dewan Bahasa dan Pustaka (Citakan ke 2),
Tebal 82 hal.)
(Citakan pertama 1948)
22. —— Membina Kehidupan, Johor Baharu: Annies Printing
Works, 1949, (Tebal 74)
23. —— Duri Perkahwinan, Muar: Jamilah Press, 1950
(Tebal 102 hal.)
24. —— Kerana Dia, Singapura: Harymy, 1950, (Tebal 100 hal)

Lampiran II

GRAP KEGIATAN ABDULLAH SIDEK1931 - 1950

(Tiap satu yunit menggambarkan sebuah novel yang dihasilkan oleh pengarang ini.)

LAMPIRAN III

TEMA-TEMA NOVEL ABDULLAH SIDEK

<u>Tahun</u>	<u>Tema</u>	<u>Judul</u>
1938 1938 1941 1948 1948 1948	MORAL	Di Bawah Roda Penghidupan. Gadis Dusun Pergi ke Bandar. Gadis Hulu Muar Dugaan Hidup. Tersungkur. - Duri Perkahwinan.
1931 1933 1937 1937 1938 1939 1939 1939 1939 1939 1939 1940 1940 1940 1948 1948 1948 1950	SOSIAL	Hikayat Bercinta Yang Tak Berfaedah. Hikayat Penanggungan Seorang Putera Raja. Pencuri Yang Licin (Saduran) Siapakah Pembunuuhnya Gelombang Hidup. Manusia Yang Buas. Iblis Rumah tangga. Pertemuan Yang Berbahagia. Manusia Yang Buas Hikayat Pengaruh Wang. Nasib Hasnah. Semangat Yang Tercuri. Berjanji di Keretapi. Doktor Zahari. Gara-Gara Kahwin Paksa. Kerana Kongres. Kerana Dia.
1941 1942	EKONOMI	Mari Kita Berjuang. Membina Kehidupan.

LAMPIRAN IV

- i. Kulit Luar novel Kerana Dia.
- ii. Pendahuluan kata novel Nasib Hasnah.
- iii. Kandungan cerita novel Manusia Yang Buas.



عبدالله صديق
أوله

ندھار لارادت

سپهانگون بیس هر ندا با گل نھیب اتفق ۲ ایت ندھار ماس بشاگون
 داتن ای الله اد تر کنگم دالیم تدیز ایبو نان، کالو مریاک
 سلاکر کن سوات دغرن تیدق ترایه دھرل و دتمانی
 دیستیخ دالرمن ۲، د کاجیگن بورق بایقش، مک ارتیش
 د مالا سفرت مریاک ایت سماج منوچکن نھیب اتفق ۲ ن
 گدام سکاولا گونخ برافی.

داروسن گراشتن تران فسماج سکاین اکن بر تسان:
 اذا که بوقتین؟ بوقتین ایت جلس، تسله
 برلاکر سلاو دسیسی مشارکة حیدوف قوم سکیت.
 فرنہ جو کک برلاکو دغرن سبب فربوتان ایبو باش
 یاقر بورد ۲ فسو ایت، بو گون سماج مر و سکن نھیب
 اتفق ۲ تفافی گادغ ۲ برایکر دغرن سوات فر گارا یشهله
 بورق لاکنی، بوله زیچو تیشکن ارغ فدمولش قرم کارار گنان.
 سکینه جوان در فد کیت والسلام.

الجهیر

عبدالله بن صدیق

35 ناریه جاوا موار

گندوئن چو یتا ان

- 10 —
- | | |
|--------------------------|------|
| فروهمق بورهارا جلila | • 1 |
| برتمو بو کو دعن رداں | • 2 |
| تصیین... درخ ڈرلو | • 3 |
| براد دسارخ فروهمق | • 4 |
| سیادہ تانپی بایک | • 5 |
| داتی فرمادان | • 6 |
| رواية صالح بناوي | • 7 |
| کدوکان اشولو موئین | • 8 |
| پرہنکن دیوی دان دانہونکن | • 9 |
| بناف گوداين? | • 10 |

HAMZAH

AC895.M22A288 f rb

X

AC895.M22A286 f rb



00000412252 305440

305440

MIKROFIS 1669

part 1 of 2

— PERPUSTAKAAN —
HAMZAH SENDUT



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA